

قَتِيقَن تِيَتِه

PETIKAN TITAH

"DI BIDANG pekerjaan pula perhatian perlulah bulat untuk menggerakkan anak-anak tempatan bagi mengisi peluang-peluang yang ada, kita mesti mengkaji dengan saksama, di mana dan berapa lama lagi anak-anak tempatan kita harus tercicir tidak diberi kesempatan untuk memenuhi peluang-peluang yang ada itu."

- Titah Sempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara 2015.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN beriklanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya, iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syara'). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syara') itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya." - (Firman Allah dalam Surah Al Israa', ayat 26 - 27).

TAHUN 60 / BILANGAN 31

14 MAC 2015 / 1436 جمادى الأول 23

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berangkat tinjau perkembangan latihan PKBN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Keempat di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor (Lihat muka 3, 4 dan 5).

Peruntukan Kementerian Pendidikan bertambah BND16 juta

Utamakan pembangunan modal insan

Laporan : Norliah Md. Zain

Foto: Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



Kementerian Kewangan.

Untuk Kementerian Pendidikan, sejumlah BND770,777,980 peruntukan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2015/2016 telah diluluskan dengan pertambahan sebanyak hampir BND16 juta daripada peruntukan tahun lepas.

Menurut Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menyampaikan ucapan mukadimah mengenai peruntukan Kementerian Pendidikan menjelaskan, sejumlah BND67.1 juta secara keseluruhan diperuntukkan untuk perkhidmatan pendidikan antara lainnya bagi membiayai kos kedatangan pengetua dan guru besar luar negara di bawah Program Kepimpinan dan Pentadbiran Sekolah

Rendah dan Menengah; membiayai Projek Keusahawanan Kebangsaan; dan pengambilan guru-guru di bawah Centre for British Teachers (CFBT) bagi sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Sementara itu, bagi Peralatan sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi termasuk teknikal dan vokasional diperuntukkan sebanyak BND18 juta, manakala peruntukan bagi Programme for International Student Assessment (PISA) sebanyak BND700,000 dengan harga rancangan sebanyak BND2.2 juta.

Selain itu peruntukan juga digunakan untuk pengambilan tenaga pakar dan pengajar mahir untuk Literasi dan Numerasi sebanyak BND30 juta dengan harga rancangan BND220.1 juta di bawah Peruntukan Khas Jabatan Kementerian

Kewangan.

Daripada peruntukan sejumlah BND766,748,510, sebanyak BND508,326,330 ataupun 64.61 peratus diperuntukkan bagi Gaji Kakitangan; BND249,814,180 bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang dan BND28,608,000 bagi Perbelanjaan Khas.

Walaupun kerajaan menghadapi keadaan ekonomi yang mencabar,

namun kerajaan tetap mengutamakan pembangunan modal insan kerana ia adalah tunjang kepada pembangunan ekonomi yang mampan, berterusan dan dinamik serta mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2015/2016 iaitu 'Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif'.

Ke muka 24



Muka 5

SR YSHHB anjurkan Mini Marathon 2015



Muka 7

RPN Kampung Panaga tingkatkan keselamatan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Postgraduate Diploma serta Tamat Kursus Further Learning Programme (FLP) Pengambilan Pertama Bagi Para Graduan Kejuruteraan Awam, Kementerian Pembangunan pada hari Selasa, 12 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 3 Mac 2015 Masihi di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

B ismillaahir Rahmannir Rahim

A ssalamu'alaikum

W arahmatullahi Wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat berkumpul pada pagi ini bagi Majlis Penyampaian Sijil Postgraduate Diploma serta Tamat Pengajian Kursus Further Learning Programme (FLP) bagi Para Graduan Kejuruteraan Awam, Kementerian Pembangunan.

Saya mengucapkan syabas kepada para graduan yang berjaya menamatkan program ini, yang mana saya telah difahamkan berjalan selama 30 bulan mulai tahun 2012. Saya yakin semangat gigih dan sabar serta usaha yang tidak kendur itulah makanya para graduan yang kita raikan pada hari ini berjaya mencapai cita-cita mereka. Kita juga maklum bahawa Program Further Learning adalah salah satu platform bagi graduan dalam bidang kejuruteraan awam untuk berkelayakan menduduki peperiksaan Chartered Professional Review (CPR) bagi mendapatkan Charteredship. Maka kejayaan para graduan memperolehi Sijil Postgraduate Diploma ini tentunya akan memudahkan para graduan untuk seterusnya memperolehi pula Charteredship.

Kita di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya amat mengalu-alukan setiap peningkatan dalam kemahiran pegawai dan kakitangannya, bukan sahaja ini akan menambah nilai dan sumbangan seseorang pegawai dan kakitangan

Rancang pembinaan infrastruktur yang lebih teratur

berkenaan kepada organisasinya, tetapi juga mencerminkan usaha mereka untuk melengkapi diri dengan ilmu yang relevan dengan kerjaya dan tugas masing-masing. Terutama sekali dalam bidang pembinaan. Ini kerana industri pembinaan adalah industri yang sangat kompleks, bukan sahaja disebabkan peranan sains dan teknologi yang sangat besar dalam industri ini, tetapi juga ia adalah industri yang mengutamakan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (HSE). Maka adalah penting bagi jurutera muda berupaya meningkatkan kemahiran teknikal mereka agar boleh mengurus dan mengawas sesuatu projek binaan dengan cekap serta berupaya menghasilkan kerja yang bermutu tinggi, tanpa sebarang insiden yang tidak diingini.

Sebagaimana yang kita ketahui dan alami, kita sering berdepan dengan masalah kelambatan menyiapkan projek (*project delay*), masalah projek yang terhenti (*atau terminated*), kos berlebihan (*cost overruns*) yang melibatkan perubahan pesanan (*variation order*). Menyentuh mengenai variation order ini, ia seolah sudah menjadi kelumrahan untuk memohon peruntukan tambahan, yang seharusnya tidak terjadi. Saya percaya masalah seperti ini adalah kerana kita hilang kawalan ke atas projek tersebut, atau kurang mengawas sesuatu projek itu, dari *inception* hingga siap. Atau kita tidak cukup pengetahuan atau pengalaman mengenai projek yang kita *supervise* maka banyak perkara yang sepatutnya tidak berlaku semasa projek itu dilaksanakan, berlaku dan kita terlepas pandang. Walaupun pihak pemborong dan konsultan bertanggungjawab ke atas sesuatu projek itu, kita sebagai jurutera yang diaturnya juga bertanggungjawab memastikan projek dilaksanakan mengikut *specs* yang sudah dipersetujui. Sering juga kita menghadapi projek yang *over specs*, atau yang tidak mencukupi, dan ini, apabila siap nanti akan menyebabkan sama ada pembaziran, atau berkurangnya kapasiti atau daya tahan projek tersebut.

Di samping itu kita juga, dari semasa ke semasa berdepan dengan masalah kemalangan di tapak projek, kejadian banjir dan tanah susur, dan fenomena ini adalah satu cabaran kepada kita, iaitu bagaimana kita dapat memperbaiki *design* atau mendapatkan teknologi dan bahan binaan yang tidak mungkin terjejas oleh bencana alam dan perubahan iklim.

Dalam usaha kita mencapai Wawasan Negara 2035, salah satu strategi utama yang telah dikenal pasti ialah pembangunan infrastruktur. Ini bermakna kita akan terus merancang pembinaan infrastruktur yang teratur sebagai pemangkin ke arah pembangunan yang menyeluruh. Untuk itu, kita memerlukan pegawai-pegawai dan jurutera yang mampu meningkatkan kemahiran mereka, pegawai dan jurutera yang *ready to work in a new and challenging environment*, pegawai dan jurutera yang bersedia menerima perubahan (*ready for*

change), bukan yang dikongkong atau *constrained* dengan tatacara atau pemikiran lama, yang sudah tidak sesuai dengan keadaan semasa. Sebab itu sering kita menyatakan, kualiti pegawai dan kakitangan yang dicari ialah pegawai dan kakitangan yang kreatif, inovatif dan proaktif.

Lebih-lebih lagi dengan adanya dua projek besar, dan yang pertama kali dilaksanakan - Jambatan Sungai Kebun dan Jambatan ke Temburong yang diselenggarakan oleh Kementerian Pembangunan, akan menduga sejauh mana kita mampu mengaut pengalaman dalam kita melaksana dan memantau projek ini. Bagaimana pula kita akan memastikan bahawa jambatan ini akan terus berfungsi pada bila-bila masa, melalui pemeliharaan yang sistematik.

Kesemua ini memerlukan kita merancang perkembangan dan keperluan tenaga manusia di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya agar kita dapat meneruskan perkhidmatan kita ke arah infrastruktur yang mampan tanpa gangguan (*interruptions*). Maka usaha para graduan yang kita raikan pada pagi ini adalah tepat dengan keperluan kita untuk sentiasa *one or two steps ahead*. Sebagaimana sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa Mailis Pelancaran Workshop on Leading Delivery anjuran PENGGERAK pada hari Isnin yang lalu, "*Today's world moves at an ever rapid pace, where changes is the rule rather than the exception. We must learn to adapt swiftly to this or risk being left behind, and that is why you are here today.*"

Kepada para graduan dan semua pegawai dan kakitangan di kementerian ini serta jabatan-jabatan di bawahnya, saya kongsikan apa yang dinyatakan oleh Steve Jobbs semasa Majlis Graduation di Stanford University. "*Your work is going to fill a large part of your life, and the only way to be truly satisfied is to do what you believe is great work, and the only way to do great work is to love what you do. If you haven't found it yet, keep looking.*"

Akhir sekali, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Divisyen Pengurusan Korporat, Kementerian Pembangunan yang telah mengadakan Further Learning Program, dan kepada Naib Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB), pensyarah-pensyarah ITB yang telah memberi sokongan yang kuat kepada program ini, serta kepada Pengerusi serta Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis pada pagi ini yang telah menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat serta kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sama-sama menjayakan majlis ini, dan saya doakan semoga kita semua akan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin.

Dari Sidang Pengarang.

14 MAC 2015 BERSAMAAN 1436 جمادى الأول 23

PEMBANGUNAN MODAL INSAN DIUTAMAKAN

MESYUARAT pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kelima lalu telah mengetengahkan cadangan peruntukan untuk Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2015/2016, yang menunjukkan pertambahan hampir BND16 juta kepada BND786.7 juta berbanding tahun lalu. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak BND508.3 juta (65 peratus) diperuntukkan bagi gaji kakitangan, BND249.8 juta bagi perbelanjaan berulang-ulang sementara BND28.6 juta lagi adalah bagi perbelanjaan khas.

Pada persidangan MMN berkenaan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan bahawa jumlah yang diperuntukkan oleh kerajaan adalah masih besar di sebalik keadaan ekonomi yang mencabar dengan penurunan harga minyak yang amat drastik.

Dalam hal ini, ia menunjukkan kerajaan amat mengutamakan pembangunan modal insan yang merupakan tunjang kepada pembangunan ekonomi yang mapan, berterusan dan dinamik serta mendukung tema Belanjaan Tahun Kewangan 2015/2016, iaitu 'Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif' yang memfokuskan kepada empat keutamaan.

Jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan, secara keseluruhannya sebanyak BND67.1 juta disediakan bagi membiayai kos mendatangkan pengetua dan guru besar luar negara di bawah Program Kepimpinan dan Pentadbiran Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah; membiayai pengambilan guru-guru di bawah Centre for British Teachers (CBT) bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Sementara itu, sebanyak BND18 juta disediakan untuk peralatan sekolah bagi sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi termasuk teknikal dan vokasional; Programme for International Student Assessment (PISA) Based Test for Schools (PBTs) sebanyak BND700,000 dengan harga rancangan berjumlah BND2.2 juta; dan pengambilan tenaga pakar dan pengajar mahir untuk literasi (Bahasa Inggeris) dan numerasi sebanyak BND30 juta dengan harga rancangan BND220.1 juta di bawah Peruntukan Khas Jabatan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya berkata, dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya menitikberatkan perbelanjaan berhemah dan 'value for money' dalam peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara adalah penting bagi Kementerian Pendidikan untuk memastikan segala perancangan dan strategi yang dilaksanakan akan membawa ke destinasi Wawasan Brunei 2035.

Kementerian Pendidikan kini mengambil langkah melaksanakan perbelanjaan secara strategik dan holistik dengan memahami dan menilai hasil yang akan dapat dihasilkan oleh projek-projek yang sedang dan bakal dilaksanakan agar ia membuahkan limpahan dan kesan berganda ke atas ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apa jua inisiatif, program dan projek Kementerian Pendidikan dirancang adalah berasaskan keutamaan, keberhasilan dan impak, yang dilaksanakan dengan pelan implementasi dan pemantauan yang jelas sambil diiringi dengan penunjuk prestasi utama (key performance indicators) yang telus agar impaknya akan dapat dipastikan selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan pada Mei 2014, telah menubuhkan sebuah unit baru yang dikenali sebagai Strategic Enterprise, Performance and Delivery Unit (SEPaDU). Unit ini adalah untuk memastikan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur, dan SEPaDU juga menentukan kementerian sentiasa di dalam trajektori yang dirancang untuk menuju destinasi 2035. - **Ketua Penyuntingan (Md).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriah Pg. Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Noorati Pg. Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Mohammad Arif Matali
Hajah Sujimawati Mejeri

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Chafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Rani Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 °C	24 °C	32 °C
24 °C	32 °C	25 °C
MUARA		
32 °C	25 °C	32 °C
25 °C	32 °C	26 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	24 °C	31 °C
24 °C	31 °C	24 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	24 °C	32 °C
24 °C	25 °C	31 °C
PEKAN SERIA		
32 °C	25 °C	31 °C
25 °C	32 °C	25 °C
KUALA BELAIT		
32 °C	25 °C	32 °C
25 °C	32 °C	25 °C
Wahab		
Sumber: JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PENGUNJUNGAN Telefon: Talian Cuaca 114		

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berangkat tinjau perkembangan latihan PKBN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima hormat diraja, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' daripada para perintis (kiri), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung untuk memeriksa perbarisan kawalan kehormatan dari para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Keempat di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di kem tersebut dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah; Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Upacara di kem latihan dimulai dengan hormat diraja, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' oleh para perintis.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian dijunjung untuk memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada 311 pelatih-pelatih PKBN.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dijunjung berangkat menyaksikan aktiviti 'Multitask Elements' (Command Tasks) dan 'Climbing Tower' (Rock Climbing and Abseiling).



ANTARA persembahan yang dipersembahkan oleh para pelatih PKBN ke hadapan majlis Kebawah DYMM ketika berkenan berangkat ke Kem Latihan PKBN Pengambilan Keempat di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (gambar-gambar di atas).



FOKUS DAN BERSEMANGAT ... Itulah antara semangat yang ditunjukkan oleh para pelatih PBKN semasa melakukan persembahan kawad, latihan jasmani, di samping melakukan persembahan seni mempertahankan diri (gambar-gambar di atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama para peserta PKBN Pengambilan Keempat yang telah menamatkan latihan di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Dari muka 3

Pada upacara tersebut para pelatih juga telah menyanyikan lagu 'Sedia Berbakti', membuat persembahan seni mempertahankan diri Latihan Jasmani, Sorak PKBN, di samping melakukan persembahan kawad dan Seni Mempertahankan Diri 'Silat Cekak Asli Brunei'.

Bagi memberkati upacara, doa selamat dipimpin oleh Tenaga Pengajar Ugama PKBN, Awang Abdul Qaiyum bin Haji Metussin.

Baginda kemudiannya dijunjung berangkat menyaksikan aktiviti 'Multitask Elements' (Command Tasks) dan 'Climbing Tower' (Rock Climbing and Abseiling).

Baginda kemudian dijunjung melawat Blok Pentadbiran Perkampungan Sukan bagi menyaksikan Pameran Galeri Foto PKBN dan menyaksikan aktiviti kelas bagi kurikulum akademik, iaitu Akta Jenayah Syari'ah, Kesihatan, Keselamatan Kerja dan Media serta Budaya Kerja.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda berkenan menandatangani buku lembaran kenangan PKBN disusuli dengan menyebarkan pesambah dan junjung ziarah.

Baginda juga berkenan menghadiri Majlis Santap bersama para pelatih dan seterusnya berkenan mengikuti sesi bergambar ramai.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menandatangani lembaran keberangkatan ke PKBN Pengambilan Keempat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mendengarkan sembah penerangan mengenai status bangunan kekal PKBN yang akan dibina di Daerah Temburong.



BAGINDA disembahkan dan berbual mesra bersama pelatih cemerlang PKBN.



KEBAWAH DYMM berkenan meninjau suasana pembelajaran Kesihatan dan Keselamatan Kerja kepada para pelatih PKBN.



BAGINDA berkenan bergambar kenangan bersama seorang pelatih PKBN beserta ibu bapa pelatih.



BAGINDA berkenan beramah mesra bersama para pelatih pengambilan keempat PKBN.



PASANGAN pelatih kembar Awang Mohd. Hassan dan Awang Mohd. Hussein bin Mohd. Daud yang pernah menuntut di Sekolah Menengah Rimba II.



PASANGAN pelatih kembar Dayang Nurroofidah dan Dayang Nurrohiidah binti Haji Abdul Aziz pernah menuntut di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.



AHLI -AHLI keluarga pelatih PKBN hadir kongsi kegembiraan di Majlis Tamat Latihan PKBN Keempat.



SR YSHHB anjurkan Mini Marathon 2015



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Seramai 935 pelajar Tahun 1 hingga 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) menyertai Mini Marathon 2015 yang bermula dan berakhir di sekolah berkenaan.

Mini Marathon dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' bagi pelajar Tahun 1 dan 2, Kumpulan 'B' bagi pelajar Tahun 3 dan 4 dan Kumpulan 'C' bagi pelajar Tahun 5 dan 6.

Berangkat menyertai Mini Marathon tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Muta'ali Haziq Hamidullah bin Pengiran Anak Haji 'Abdul 'Ali Yil-Kabier.

Semasa Mini Marathon, Yang Amat Mulia

BERANGKAT menyertai Mini Marathon Sekolah Rendah YSHHB tersebut ialah cucunda Kebawah DYMM, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil.

Pengiran Anak Abdul Hafeez menyertai bagi Kumpulan 'A', manakala Pengiran Anak 'Abdul Muta'ali Haziq Hamidullah menyertai Kumpulan 'B'.

Mini Marathon anjuran Unit Ko-Kurikulum SR YSHHB dimulakan dengan sesi memanaskan badan dan senamrobik.

Kumpulan 'A' berlari sejauh 0.9 kilometer, manakala Kumpulan 'B' dan 'C' merentasi laluan sepanjang 3.4 kilometer.

Bagi pemenang pertama hingga ke-10 akan mendapat markah dan dimasukkan ke markah rumah-rumah sukan bagi acara Sukan Sekolah yang akan diadakan pada bulan April nanti.

Mini Marathon tersebut merupakan acara tahunan yang diadakan setiap penghujung penggal pertama dengan tujuan untuk menanamkan budaya 'Hidup Sihat' dalam kalangan warga pelajar, di samping memupuk semangat persaingan dan suka kepada cabaran.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi menghidupkan semangat kesukanan dan menjalinakan hubungan yang lebih erat di antara

pelajar dengan pelajar dan guru-guru dalam menamatkan sesuatu cabaran.



BERANGKAT menyertai Mini Marathon tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Muta'ali Haziq Hamidullah bin Pengiran Anak Haji 'Abdul 'Ali Yil-Kabier.



MINI Marathon 2015 bermula dan berakhir di Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB).

Kenaikan pangkat Timbalan Pengarah Penjara, Penguasa Penjara Kanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac.- Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dua pegawai kanan Jabatan Penjara telah dinaikkan pangkat Timbalan Pengarah Penjara dan Penguasa Penjara Kanan yang mula berkuat kuasa pada 3 Mac 2015.

Sehubungan itu, Majlis Penempatan Lencana Pangkat Timbalan Pengarah Penjara dan Penguasa Penjara Kanan berlangsung di Dewan Bukit Pantai, Jabatan Penjara Jerudong yang disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali selaku tetamu kehormat.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyampaikan lencana pangkat Timbalan Pengarah Penjara kepada Awang Haji Ismail bin Haji Murat dan seterusnya lencana pangkat Penguasa Penjara Kanan kepada Poh Eng Hua.

Majlis turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan KHEDN, ketua-ketua pengurusan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Penjara.

Bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Penjara, Pengiran Mohd. Safuandi Shah bin Pengiran Haji Matahir.

Kem Latihan PKBN cabar kemampuan belia

Oleh : Nur Faizzah Nawang
Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Semangat patriotisme dalam kalangan belia yang sedang mengikuti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Keempat di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, kian terserlah apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli ke Kem Latihan PKBN, di sini.

Ketika ditemu bual, Ahli PKBN, Awang Muhd. Firdaus bin Muhd. Jeffrey berkata, sepanjang menyertai PKBN, beliau dapat belajar untuk bekerjasama dengan peserta yang datang dari daerah lain.

"Selain itu, kami di sini bukan sahaja membuat aktiviti fizikal tetapi kami juga belajar tentang pelajaran yang penting di luar sana seperti kerja amal dan dari kerja amal tersebut dapat mempelajari kerja yang susah

beramai-ramai yang jarang dibuat seperti menebang pokok," ujarnya yang berasal dari Daerah Belait.

Menurutnya, antara aktiviti yang pernah diikuti termasuklah membersihkan rumah orang tua di

Kampung Pulaie di mana aktiviti sukarelawan seumpama ini, ujarnya, memberikan mereka pengalaman melakukan kerja gotong-royong dan menolong orang susah.

Orang Brunei, tambahnya, tidak sepatutnya camah mata dan hendaklah saling tolong-menolong membantu orang susah.

"Aktiviti paling mencabar ialah 'jungle tracking' yang mana kami

selama dua jam turun bukit dan ianya sangat mencabar bukan saja fizikal tetapi juga mental namun apa pun jua kami mesti mengharunginya dengan moto 'jangan mudah mengalah, maju, semangat'," tambahnya.

Peserta perempuan PKBN, Dayang Shahirah Syazwani binti Arifin pula merasa amat beruntung dapat memasuki program ini kerana semua yang dilalui itu, terangnya,

kebanyakannya pengalaman baru contohnya selama ini tidak pernah melakukan aktiviti 'rock climbing' dan bermalam di hutan seorang diri.

"Kepada sesiapa yang ingin mengikuti kem latihan ini, dipersilakan kerana rugi tidak menyertainya kerana manfaatnya sangat banyak, iaitu kepimpinan, 'team work', bergotong-royong beramai-ramai, bekerjasama dan sebagainya," jelasnya.

Sementara itu, bapa kepada peserta PKBN, Pengiran Haji Bahar bin Pengiran Haji Omar turut melahirkan rasa syukur kerana anak beliau memasuki program ini yang mana sekurang-kurangnya dapat pengalaman baru dan dapat meningkatkan lagi tahap disiplinnya.

Setelah tamat PKBN ini, katanya, masa depan anaknya tertakluk kepada apa yang diminatinya kerana sebagai seorang bapa hanyalah untuk memberikan sokongan dan dorongan yang padu.

PKBN merupakan platform untuk bekerjasama dalam pasukan beruniform yang mengajar latihan-latihan untuk negara agar tidak gugup jika berpeluang memasuki bidang ketenteraan nanti.



AHLI Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Muhd. Firdaus bin Muhd. Jeffrey.



AHLI Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Dayang Shahirah Syazwani binti Arifin.



PENGIRAN Haji Bahar bin Pengiran Haji Omar, ayah seorang ahli PKBN.

Tahun 2014, kejayaan negara dalam IPR

Oleh : Khartini Hamir, Syirain Afifi Md. Fadzil
Foto : Mohammad Mahdi Bin Haji Marsidi

JERUDONG, Isnin, 9 Mac. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) melalui Pejabat Harta Intelek Brunei (BruIPO) mengendalikan Mesyuarat Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Kerjasama Harta Intelek Ke-46 (AWGIPC) yang diadakan di The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Seramai 40 peserta yang terdiri daripada ketua pengarah dan pegawai-pegawai kanan dari Pejabat IP ASEAN, termasuk Brunei Darussalam dan Sekretariat ASEAN, serta wakil Rakan Dialog menghadiri mesyuarat tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif LKEB, Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim dan Ketua Eksekutif Pejabat IP Singapura, Mr. Tan Yih San, selaku Pengerusi AWGIPC.

Terdahulu, Dayang Hajah Hasnah dalam ucapan menjelaskan, Brunei Darussalam amat komited dalam merealisasikan aspirasi Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) melalui pelaksanaan Pelan Tindakan ASEAN IPR 2011-2015.

Brunei Darussalam terangnya, telah bersetuju dalam perjanjian Paten Corporation Treaty 2012 dan juga Perjanjian Hague (The Hague Agreement) mengenai Pendaftaran Reka Bentuk Antarabangsa atau 'Sistem Hague' pada tahun 2013 serta bercadang untuk menjadi parti kepada protokol Madrid sebagai *trademarks* menjelang akhir tahun ini.

Menurutnya, tahun 2014 merupakan tahun yang berhasil dan berjaya bagi Negara Brunei Darussalam dalam bidang harta intelek khususnya dalam Penguatkuasaan Hak Harta Intelek (IPR).

Jelasnya, ini merupakan hasil daripada usaha bersepadu agensi-

agensi penguat kuasa yang berkaitan dan jabatan-jabatan kerajaan serta usaha berterusan LKEB dalam mempromosikan kesedaran awam tentang kepentingan perlindungan IPR dan telah menjadikan Brunei Darussalam antara USTR 301 Watch List untuk dua tahun berturut-turut pada tahun 2013 dan 2014.

Dari segi pemodenan Pejabat IP tambahannya, melalui kejayaan pelaksanaan Sistem Pentadbiran Harta Perindustrian WIPO (IPAS) tahun lepas, kecekapan dan kualiti kerja telah bertambah baik dengan ketara; masa yang diambil untuk menerima dan memproses permohonan telah menjadi lebih pendek selain penyebaran *notifications* telah menjadi lebih cepat, menyediakan BruIPO dengan rangsangan yang besar dalam kecekapan.

Dayang Hajah Hasnah seterusnya menjelaskan, BruIPO akan melaksanakan satu sistem pentadbiran bersepadu IP yang lebih berorientasikan perniagaan.

Pendekatan holistik ini terangnya, bukan sahaja akan meletakkan Brunei Darussalam setanding dengan Pejabat IP di rantau ini, tetapi juga akan dapat mewujudkan dan menggalakkan ekosistem 'mesra perniagaan' bagi memastikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta Multi-National Cooperations (MNC) dapat dilindungi dengan baik di IP.

Yang paling penting tegasnya, langkah itu bukan sahaja sejajar dengan inisiatif di bawah Pelan Tindakan ASEAN IPR 2011 - 2015 dalam pemodenan Pejabat IP, tetapi juga merupakan petanda yang baik selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena

agensi penguat kuasa yang berkaitan dan jabatan-jabatan kerajaan serta usaha berterusan LKEB dalam mempromosikan kesedaran awam tentang kepentingan perlindungan IPR dan telah menjadikan Brunei Darussalam antara USTR 301 Watch List untuk dua tahun berturut-turut pada tahun 2013 dan 2014.



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim semasa berucap pada Mesyuarat Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Kerjasama Harta Intelek Ke-46 (AWGIPC) di The Empire Hotel & Country Club.



KETUA Eksekutif Pejabat IP Singapura, Mr. Tan Yih San berucap pada AWGIPC Ke-46 di Empire Hotel & Country Club.

Tahun Baru 2014, di mana baginda menyeru Brunei Darussalam untuk mewujudkan persekitaran yang lebih 'mesra perniagaan' bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan terutama dalam sektor swasta.

Sementara Ketua Eksekutif Pejabat IP Singapura, Mr. Tan Yih San dalam kapasitinya sebagai Pengerusi AWGIPC dalam ucapan pembukaan

mesyuarat AWGIPC itu juga turut menekankan kepentingan harta intelek dalam memudahkan aliran pelaburan ke pasaran ASEAN yang pesat berkembang.

Mr. Tan Yih San turut memuji Pejabat IP ASEAN yang berjaya mencapai sasaran di bawah Pelan Tindakan IPR 2011 - 2015 yang antara lain mengenai penubuhan TMview ASEAN, Kerjasama Pemeriksaan Paten ASPEC (ASPEC) dan portal IP ASEAN yang akan memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk perlindungan IP oleh syarikat-syarikat di rantau ini.

AWGIPC adalah sektor kumpulan yang bertanggungjawab untuk membangun, menyelaraskan dan melaksanakan semua harta intelek berkaitan dengan program serantau dan aktiviti di ASEAN ke arah peningkatan integrasi di rantau ini.

Ia terdiri daripada pejabat-pejabat harta intelek negara-negara anggota ASEAN, iaitu Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam.

AWGIPC telah ditubuhkan pada tahun 1996, selaras dengan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Kerjasama Harta Intelek yang telah ditandatangani oleh negara-negara anggota ASEAN di Bangkok, Thailand pada tahun 1995, dan melalui AWGIPC, ASEAN telah membuat usaha bersepadu sejak 1996 untuk memperbaiki rangka kerja serantau mengenai dasar dan institusi yang berkaitan dengan harta intelek.

Antara lain, Pelan Tindakan IPR ASEAN 2011 - 2015 direka untuk memenuhi matlamat AEC dengan mengubah ASEAN menjadi sebuah rantau yang inovatif dan berdaya saing dengan menggunakan IP untuk negara mereka dan memastikan rantau ini kekal sebagai *active player* dalam komuniti IP antarabangsa.

Mesyuarat AWGIPC Ke-46 ini akan mengadakan beberapa perbincangan dan keputusan mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Pegawai-pegawai Kanan mengenai tinjauan ekonomi serantau dan isu-isu yang berkaitan seperti langkah-langkah yang berkaitan dengan pelaksanaan *AEC Scoreboard*; kemajuan rancangan kerja bagi pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Tindakan ASEAN IPR 2010 - 2014; cadangan daripada sektor swasta mengenai isu-isu IP dan berbincang mengenai perkembangan Kerjasama IP di dalam ASEAN dan di antara ASEAN dan Rakan Dialog, iaitu Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO), Japan Patent Office (JPO), United States Patent and Trademark Office (USPTO) serta Kerjasama ASEAN-EU mengenai Hak IP (ECAP-III).

Pada mesyuarat tersebut, AWGIPC akan mengadakan pertemuan dengan USPTO dan wakil WIPO, di mana Mesyuarat Perundingan ASEAN-USPTO akan membincangkan pembaharuan perjanjian kerjasama dengan ASEAN-USPTO, manakala penglibatan dengan WIPO akan memfokuskan kepada Pelan Tindakan IPR ASEAN 2016 - 2025.

Mesyuarat AWGIPC yang dijangka berakhir pada 11 Mac ini turut diselenggarakan dengan mesyuarat Jawatankuasa Pandu Projek (PSC) dalam Projek ASEAN-EU mengenai Perlindungan Hak Harta Intelek (ECAP III Fasa II) yang akan diadakan pada Khamis, 12 Mac.

Projek ECAP III dilaksanakan oleh Office for the Harmonization in the Internal Market (OHIM) dan Mesyuarat Ketiga PSC akan mempertimbangkan Laporan Aktiviti Tahunan 2014 tentang pelaksanaan tahun kedua projek mengenai kerjasama *trademark* termasuk hasil daripada perundingan ASEAN-OHIM pada November 2014 dan cadangan-cadangan PMT bagi Projek Rancangan Kerja Tahunan 2015.

JBP berjaya tangani tumpahan kimia

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Isnin, 9 Mac. - Pusat Gerakan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah menerima panggilan kecemasan berlaku tumpahan bahan kimia berbahaya.

Sebuah tanker yang membawa bahan kimia berbahaya mendapat kemalangan di atas jalan raya menyebabkan kebocoran di bahagian badan tanker tersebut.

Pemandu tanker cuba menghentikan kebocoran, tetapi tidak berhasil lalu segera menghubungi talian kecemasan 995 JBP bagi bantuan kecemasan.

Unit HAZMAT dari Balai Bomba SPARK bergegas ke tempat kejadian. Anggota HAZMAT yang berpakaian khas membuat penilaian secara dekat dan membuat mitigasi, menghentikan kebocoran tersebut menggunakan peralatan dan perkakas HAZMAT khusus bagi panggilan tersebut dan menyelamatkan mangsa di tempat kejadian dan seterusnya dua set secara

spray digunakan bertujuan bagi menyejukkan dan menghalang wap bahan kimia tersebut.

Bahan kimia yang dipercayai *propionic acid UN 1848* itu boleh memudarat dan membahayakan manusia dan alam sekitar.

Kejadian tersebut hanya demonstrasi operasi dan menyelamatkan daripada Unit HAZMAT Balai Bomba SPARK mengenai tatacara menghadapi panggilan kecemasan tumpahan kimia berbahaya di Hari Balai Terbuka sempena Sambutan Ulang Tahun JBP Ke-55 bagi Cawangan Operasi 'B' Daerah Belait di Balai Bomba Kuala Belait, di sini.

Hari Terbuka Balai diadakan serentak di seluruh daerah bagi memberikan peluang kepada orang ramai khususnya masyarakat umum melihat dan mengetahui lebih dekat lagi peranan dan tugas JBP.

Pada Hari Terbuka ini, anggota Balai



Bomba SPARK juga menunjukkan demonstrasi menyelamatkan pasangan yang bertengkar di atas bangunan tinggi dan percubaan membunuh diri.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman selaku tetamu khas di Hari Balai Terbuka tersebut.

Antara yang hadir termasuk Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia, Awang Haji Ali bin Mat Yassin; Penolong Pengarah Operasi, JBP, Awang Shabandi bin Haji Abd. Halim; pegawai-pegawai jabatan-jabatan kerajaan dan guru-guru serta murid-murid sekolah rendah kerajaan dan swasta Daerah Belait.

Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'B' Bomba Daerah Belait, Penguasa Kanan, Awang Muhd. Shahreeni bin Haji Mohd. Yusoff dalam ucapan alu-aluan antara lain menyentuh mengenai sejarah penubuhan JBP, peranan dan perkembangan Cawangan Operasi 'B' serta tujuan Hari Balai Terbuka diadakan.

Penguasa Kanan, Awang Muhd. Shahreeni menyatakan, tugas JBP

bukan sahaja terhad kepada menghadiri panggilan kebakaran semata-mata, tetapi juga menjurus kepada tugas-tugas menyelamatkan dan berbagai-bagai bentuk kecemasan dan bencana yang berlainan risiko.

Awang Muhd. Shahreeni menambah, cabaran terhadap peranan jabatan tersebut semakin meningkat tambahan lagi perubahan iklim dan keadaan cuaca yang tidak menentu pada masa ini.

Justeru itu, katanya adalah mustahak bagi jabatan sentiasa berterusan membangunkan kapasiti dan keupayaannya ke arah yang lebih mantap, efektif serta efisien termasuk mempertingkatkan lagi profesionalisme, latihan dan kemahiran dalam kalangan semua peringkat pegawai dan anggota jabatan dalam pelbagai bidang, lebih-lebih lagi dalam menggunakan peralatan dan kelengkapan yang berteknologi tinggi dan canggih bagi menghadapi cabaran-cabaran yang lebih kompleks dan berisiko tinggi.

PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman ketika mengunjungi pameran kebombaam sambil mendengar penerangan mengenainya.

JBP pada mulanya dikenali sebagai Unit Pemadam Api, Pasukan Polis Diraja Brunei pada tahun 1958, manakala pada tahun 1960, ia dikenali sebagai Pasukan Bomba di bawah kawalan dan pentadbirannya sendiri ini kerana peranan dan tugas jabatan tersebut telah bertambah selaras dengan pembangunan negara yang banyak menjurus kepada aspek-aspek menyelamatkan selain daripada bidang hal ehwal kebombaam.

Pada 9 Mac 2006, nama Jabatan Perkhidmatan Bomba telah ditukar rasmi kepada JBP.

Cawangan Operasi 'B' Bomba Daerah Belait mempunyai 214 anggota pada masa ini dan lima buah balai bomba di bawah tadahannya meliputi Balai Bomba Setia, Balai Bomba Kuala Belait, Balai Bomba Sungai Liang, Balai Bomba Labi dan Balai Bomba SPARK yang semua dilengkapi dengan alat-alat jentera dan perkakas yang canggih dan berteknologi tinggi bagi memberikan perkhidmatan sebaik mungkin dan lebih berkesan kepada pihak-pihak yang memerlukan bantuan.

Pengisian Hari Balai Terbuka bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang seperti persembahan koir 'Khidmat Bakti' lagu tema jabatan berkenaan yang disampaikan oleh anggota bomba dan penyelamat Cawangan Operasi 'B', persembahan operasi dan menyelamatkan daripada anggota Balai Bomba SPARK, pameran jentera-jentera bomba, pameran kebombaam dan ruang permainan. Pengunjung juga berpeluang menaiki jentera bomba mengelilingi Pekan Belait.



MURID-MURID sekolah menyaksikan pameran yang disediakan.

Peserta Bengkel Kefahaman Metodologi terima sijil



PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa berucap pada majlis berkenaan.

JANGSAK, Selasa, 10 Mac. - Bengkel Kefahaman Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Iqra dan Al-Qur'an kali Ke-II bagi Guru Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Masjid Zon Brunei III berakhir hari ini dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para peserta bengkel yang diadakan di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkihah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal

Oleh : Nur Faizzah Nawang
 Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Semasa berucap dalam majlis tersebut, beliau berkata, bengkel ini menunjukkan manfaat yang sangat besar dan berinformatif serta dapat memberikan kefahaman berkenaan kaedah IQRA yang diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Qur'an dan Muqaddam.

Jelasnya, usaha seumpama ini memang layak untuk diperkasa dan diterus serta dilaratkan kepada semua guru kelas Al-Qur'an dan Muqaddam yang mengajar di masjid-masjid seluruh negara kerana bengkel ini merupakan usaha serta sokongan kepada Wawasan Negara 2035 yang antaranya untuk melahirkan rakyat yang terpelajar dan berkemahiran tinggi, khususnya dari aspek keilmuan berkenaan Al-Qur'an, iaitu dari segi kemahiran pembacaannya.

Bengkel ini juga, tambahnya, merupakan antara aktiviti takmir masjid bagi sama-sama merealisasikan fungsi utamanya, iaitu sebagai pusat

peribadatan dan perkembangan ilmu pengetahuan.

Beliau seterusnya mengharapkan pihak ahli takmir masjid akan terus mengimarahkan masjid ini tanpa mengira penat lelah dan sentiasa mengharapkan keredaan dan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bengkel yang disertai oleh 48 peserta itu dihasratkan untuk berkongsi pengalaman dan permasalahan dalam pengajaran yang dihadapi dalam kalangan guru-guru kelas Al-Qur'an dan Muqaddam dengan pihak Bahagian Imarah Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi zon Kawasan Brunei III, selain mengeratkan lagi silaturahmi dalam kalangan guru kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Masjid Zon Kawasan Brunei III.

Selain itu, bengkel yang dianjurkan bersama oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jubli Perak dan Guru-guru Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam masjid tersebut



PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Kefahaman Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Iqra dan Al-Qur'an Ke-II bagi Guru Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Masjid Zon Brunei III menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta bengkel tersebut.

mencerminkan komitmen tinggi ilmu, kaedah dan komitmen ke arah guru-guru kelas Al-Qur'an dan memahirkan murid-murid yang hadir Muqaddam dalam mempelbagaikan ke masjid setiap hari Jumaat.

Melancar Pesawat Udara Tanpa Manusia dilarang

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Mac. - Penggunaan dan perkembangan Sistem Pesawat Udara Tanpa Manusia (Unmanned Aircraft - UA) atau Sistem Pesawat Udara Kawalan Jauh (Remotely Piloted Aircraft System - RPAS) mengalami peningkatan yang amat ketara.

Meskipun penggunaan pesawat yang ini mempunyai faedah inovatif, akan tetapi ia mempunyai beberapa risiko dari segi keselamatan perjalanan udara, ruang udara yang terkawal dan kawasan yang padat penduduk.

Sebarang aktiviti penerbangan yang tidak terkawal boleh mengganggu operasi-operasi pesawat yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

RPAS adalah istilah rasmi yang digunakan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) bagi pesawat seumpama ini. Pesawat-pesawat ini juga dikenali sebagai Unmanned Aircraft (UA), Unmanned Aerial Vehicles (UAVs) dan Unmanned Aerial Systems (UAS) yang mana *drone* adalah salah satu daripadanya.

Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Kementerian Perhubungan ingin menekankan bahawa melancarkan Pesawat Udara Tanpa Manusia merupakan satu aktiviti yang dilarang di bawah Bab 21 Akta Penerbangan Awam 2006. Pengecualian penggunaan Pesawat Udara Tanpa Manusia ini hanya akan dibenarkan bagi kes-kes tertentu oleh DCA menurut syarat-syarat dan peraturan yang diperuntukkan.

Walau bagaimanapun, menyedari akan faedah-faedah inovatif penggunaan Pesawat Udara Tanpa Manusia, DCA sedang dalam proses mengemaskini Rangka Kerja Kawalselia (Regulatory Framework) bersama pihak-pihak berkepentingan. Rangka kerja kawalselia akan menangani sebarang keseimbangan mengenai isu-isu keselamatan (Safety and Security) dan risiko yang berkaitan dengan penggunaan Pesawat Udara Tanpa Manusia.

Di bawah Bab 51 Perintah Penerbangan Awam 2006, mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang peruntukan perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi BND50,000.00, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-dua sekali.

DCA memohon kerjasama orang ramai untuk mematuhi Perintah Penerbangan Awam 2006 demi keselamatan navigasi udara dan sekuriti.

RPN Kampung Panaga tingkatkan keselamatan

Berita dan Foto:
 Noraisah Muhammed

SERIA, Selasa, 10 Mac. - Seramai 15 Ahli Pengawasan Kejiranan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panaga telah mengadakan perjumpaan dan permuzakarah mengenai keselamatan kawasan perumahan berkenaan.

Selain isu keselamatan, perjumpaan berkenaan juga mengadakan sesi penerangan mengenai kegiatan yang akan diungkayahkan di mana ia akan melibatkan penghantaran Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan dan Sukarelawan RPN Kampung Panaga untuk mengikuti kursus dan taklimat pamadaman api di Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Agenda muzakarah juga turut membincangkan mengenai kerja rondaan kampung bersama Pasukan Polis Diraja Brunei dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan kampung terjamin.

Selain itu, Ahli-ahli Pengawasan



MESYUARAT dipengerusikan oleh Pengerusi Pengawasan Kejiranan Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga, Awang Haji Hassan bin Tuah.

Kejiranan dan Sukarelawan RPN Kampung Panaga juga turut membincangkan mengenai aktiviti sukan yang akan diadakan.

Pengerusi Pengawasan Kejiranan RPN Kampung Panaga, Awang

Haji Hassan bin Tuah hadir mempengerusikan mesyuarat berkenaan yang diadakan di rumah kediaman pengerusi di Jalan Kalajiau, RPN Kampung Panaga.

Perangi sihir dengan zikrullah

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Mac. - Teknik mengatasi kejahatan ilmu sihir (hitam) menarik lebih daripada 200 peserta seminar yang diadakan di Ballroom Caesar Grand, Orchid Garden Hotel.

Siri ketiga 'Perangi Sihir Dengan Zikrullah' (Memerangi ilmu hitam dengan zikrullah - Zikir Allah Subhanahu Wata'ala), seminar yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kerajaan, syarikat swasta dan juga pelajar daripada penceramah utama Profesor Dato Dr. Haji Engku Ansaruddin Agus yang juga dikenali sebagai Pak Engku yang berpangkalan di Malaysia, Pakar perunding ilmu spiritual Yashfien Herbs Sdn. Bhd. membentangkan secara mendalam mengenai pengertian Sihir (ilmu hitam) dan juga tanda-tanda mereka yang mungkin terkena olehnya.

Dalam temu bual dengan PELITA BRUNEI, Pak Engku berkata, "Seminar ini adalah sangat baik

dan berguna kepada mereka yang benar-benar ingin tahu tentang kepentingan dan manfaat dalam mengamalkan zikrullah dalam kehidupan seharian kita sebagai perlindungan daripada bahaya jenayah rohani (sihir). Dengan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala adalah kunci utama untuk mengukuhkan iman kita dan pertahanan rohani."

Untuk mencapai ini, penceramah berkata bahawa seseorang individu perlu mengemukakan, pemujaan dan menganggap Allah Subhanahu Wata'ala sebagai pusat kehidupan beliau. "Apabila kita mewujudkan kesedaran ini Allah Subhanahu Wata'ala di dalam hati kita, ia menjadi perisai terhadap syaitan yang (syaitan). Zikir adalah salah satu cara untuk kita sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala," kata Pak Engku.

Penceramah juga menekankan mengenai pentingnya rawatan tradisional Islam dan rawatan

kontemporari untuk bekerja bersama-sama dalam membanteras ini (sihir).

Pak Engku berkata, umat Islam tidak perlu berasa takut atau tunduk kepada gangguan serta godaan jin dan syaitan, sebaliknya menentang amalan sihir tanpa tolak ansur.

"Sihir boleh dilawan jika kita mempunyai kekuatan rohani dan metafizik serta amalan yang cukup. Sebagai hambanya, kita wajar berusaha dan berserah selebihnya kepada Allah," kata Pak Engku.

"Saya tidak akan berkompromi dengan jin dan syaitan. Unsur-unsur kejahatan ini harus diperangi, ditangkap dan dibunuh," terang pemilik Pusat Rawatan Komplimentari Yashfien Herbs di Sungai Besi ini.

Seminar ini juga menampilkan penceramah motivasi terkenal dari Malaysia, Dato Dr. Haji Mohd. Fadzilah Kamsah yang juga bercakap mengenai kepentingan zikrullah serta menghiburkan penonton dengan maklum balas dan sambutan positif semasa sesi soalan dan jawapan.

Seminar sehari itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan



PENCERAMAH utama Profesor Dato Dr. Haji Engku Ansaruddin Agus yang juga dikenali sebagai Pak Engku membentangkan secara mendalam mengenai pengertian sihir (ilmu hitam) dan juga tanda-tanda mereka yang mungkin terkena olehnya.

kefahaman tentang aqidah untuk melindungi terhadap mana-mana perbuatan ilmu hitam seperti beristighfar, Surah Al Faatihah dan Ayat Kursi.

Institut Sains Kesihatan PAPRSB UBD dan NUIG meterai MoU

TUNGKU, Rabu, 11 Mac. - Dalam meningkatkan lagi kerjasama bidang-bidang perubatan, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkliah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama National University of Ireland, Galway (NUIG) dan University of Glasgow.

Pada majlis penandatanganan yang berlangsung di bangunan tambahan IHS, UBD diwakili oleh Dekan IHS, Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin, manakala NUIG diwakili oleh Dekan, Kolej Perubatan, Kejururawatan dan Sains Kesihatan, NUIG, Profesor Timothy O'Brien dan menandatangani bagi pihak University of Glasgow ialah Timbalan Ketua Sekolah Perubatan, Profesor Jeremy Baggs.

Penandatanganan tersebut telah disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan UBD serta para ahli akademik.

Melalui penandatanganan MoU ini, ia akan mengukuhkan lagi kerjasama yang sedia ada antara kedua-dua universiti dan memberi lebih banyak peluang lagi kepada pelbagai kerjasama dari segi pertukaran pegawai dan pelajar termasuk kerjasama penyelidikan.

IHS telah mula menghantar pelajar-pelajar dalam jurusan Sarjana Muda Sains Kesihatan (Perubatan) kepada rakan sekolah perubatan di University of Glasgow sejak pengambilan pertama pada tahun 2008 bagi tempoh dua tahun.

Melalui penandatanganan itu, IHS sekali lagi menubuhkan semula

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

hubungannya dengan University of Glasgow di mana ia akan membawa lebih banyak kerjasama aktif daripada UBD dengan dua buah universiti tersebut.

Pada masa yang sama, penandatanganan tersebut akan menyediakan penempatan yang lebih ramai bagi pelajar-pelajar UBD untuk meraih pengalaman pembelajaran perubatan dan meneruskan program MBBS mereka dengan NUIG dan University of Glasgow.

UBD dan kedua universiti tersebut akan mengadakan lebih banyak lagi kerjasama dari segi pertukaran pegawai, penyelidikan dan program-program pertukaran pelajar seperti program 'Discovery Year'.

UBD telah mengadakan program perubatan sejak 9 tahun yang lalu, di mana para mahasiswa / mahasiswi akan menjalani pengajian mereka selama tiga tahun dan tamat pengajian dengan ijazah perubatan sebelum meneruskan pembelajaran mereka di sekolah-sekolah perubatan di United Kingdom dan Australia.

Graduan akan memasuki tahun ketiga program perubatan rakan kongsi dan menamatkan pengajian ijazah MBBS mereka di luar negara.

Sekolah pergigian, University of Glasgow juga merupakan salah satu rakan kongsi pengasas sekolah pergigian bagi UBD untuk program pergigian yang baru dibangunkan dan

akan memulakan pendaftaran tidak lama lagi.

Sementara itu, NUIG diiktiraf antara universiti dua peratus paling terkemuka di dunia dengan sejarahnya berprestijnya yang menjangkau dua abad.

Kolej Perubatan, Kejururawatan dan Sains Kesihatannya menawarkan pelajar-pelajar penjagaan kesihatan dengan pengalaman pendidikan dan kebudayaan yang dapat dicontohi. Kolej berkenaan telah diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa atas kecemerlangan dan kepimpinan dalam program tersendiri dan inovatif dalam pengajaran, penyelidikan dan biasiswa.

Manakala University of Glasgow telah ditubuhkan sejak tahun 1451 namun institusi perubatannya hanya diwujudkan 200 tahun kemudian dalam tahun 1637.

Sekolah perubatannya adalah merupakan sebahagian daripada Kolej Perubatan, Veterinari dan Sains Hayat yang mengandungi sekolah pergigian, sekolah kejururawatan dan sekolah perubatan lepasan ijazah.

Sekolah perubatan ini terkenal dengan kaedah pengajaran perintis dan kemudahan terkini bagi belajar dalam bidang perubatan, pergigian dan kejururawatan dan mempunyai salah satu daripada sekolah-sekolah perubatan terbesar dan paling berprestij di Eropah.



DEKAN IHS, Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin mewakili Universiti Brunei Darussalam dan University of Ireland, Galway diwakili oleh Dekan, Kolej Perubatan, Kejururawatan dan Sains Kesihatan, NUIG, Profesor Timothy O'Brien bertukar dokumen sejour menandatangani MoU tersebut (atas). Sementara gambar bawah, University of Glasgow diwakili oleh Timbalan Ketua Sekolah Perubatan, Profesor Jeremy Baggs.



Produk kesihatan, kosmetik dicemari bahan terlarang

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan ubat tradisional yang telah didapati dicemari dengan bahan racun berjadual dan ubat-ubatan Barat yang tidak diisytiharkan.

Menurut Siaran Akhbar dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, sampel produk berkenaan telah diperoleh daripada aktiviti pemantauan dalam pasaran yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi.

Produk berkenaan adalah Sumo Qurus Tablet yang diedarkan oleh Chanteq Purnama Skincare & Cosmetic Sdn. Bhd., Malaysia yang dicemari dengan Phenobarbital.

Manakala tiga (3) jenis produk kosmetik adalah produk-produk yang didapati dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.

Produk berkenaan adalah Hans Beauty Flawless Day Cream, Hans Beauty Flawless Night Cream dan Hans Beauty Treatment Toner dikilangkan oleh Hans Beauty & Health dan mengandungi merkuri.

Bahan-bahan tercemar dalam produk-produk berkenaan boleh

mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Phenobarbital adalah sejenis barbiturate yang digunakan untuk mengawal penakut. Penggunaan Phenobarbital tanpa pengawasan boleh menyebabkan kesan advers yang serius seperti tekanan darah yang rendah, ataxia, gangguan pada tingkah laku, cepat meradang, kemurungan, kelesuan, halusinasi, alahan pada kulit, hiperaktif terutamanya pada kanak-kanak dan orang tua.

Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007.

Penggunaan merkuri dalam produk kosmetik adalah dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh meyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Anak damit dan kanak-kanak kecil boleh terdedah dengan kesan sampingan daripada pengguna; yang boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak

yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan dan / atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan advers dan merasa tidak sihat selepas memakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara online seperti melalui 'Facebook' dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak

BND8,000 atau penjara enam (6) bulan, jika didapati bersalah.

Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika dia dapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan dua belas (12) bulan penjara.

Orang ramai juga diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik di pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan, dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi

BND5,000 penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi melalui talian telefon 2393298 sambungan 208, menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn atau berjumpa terus Pegawai Penguatkuasaan Farmasi di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras.



PRODUK Kosmetik Hans Beauty Flawless Day Cream oleh Hans Beauty & Health mengandungi merkuri.



PRODUK Kosmetik Hans Beauty Flawless Night Cream dikilangkan oleh Hans Beauty & Health mengandungi merkuri.



PRODUK kesihatan Sumo Qurus Tablet yang diedarkan oleh Chanteq Purnama Skincare & Cosmetic Sdn Bhd, Malaysia yang dicemari Phenobarbital.



PRODUK Kosmetik Hans Beauty Treatment Toner dikilangkan oleh Hans Beauty & Health mengandungi merkuri.

Keunikan Kampung Danau

Oleh : Noraisah Muhammed
Foto : Ihsan Awang Haji
Abdullah Haji Tahir

Kenali
Negara
Kitani



RUMAH-RUMAH yang dibina di tebing sungai di Kampung Kulabit, Danau sehingga akhir tahun 1960-an. Kelihatan jambatan tempat menaik dan menurunkan kenderaan yang akan diangkut oleh bantuan untuk dibawa ke Kuala Tutong.

yang masin menjadi beku untuk kegunaan sendiri.

Menyentuh mengenai penduduk kampung yang tinggal di pesisir tebing sungai, apabila musim air pasang rumah-rumah yang didirikan di tebing ini kelihatan seperti dibina di atas sungai. Kebanyakan mereka itu mendiami di sepanjang tebing Kampung Kelabit dan sedikit di tebing Kampung Danau dan pekerjaan mereka menangkap ikan dengan menggunakan andang, rambat, rawai, bubu dan pengguyut selain pancing dan ambur.

Pada akhir tahun 30-an, selain ada antaranya menjalankan perniagaan, terutama pedagang-pedagang India ada antara penduduknya bekerja di sektor kerajaan sebagai guru, polis dan di Jabatan Kerja Raya. Sekarang penduduknya telah bekerja dan menajwat beberapa pekerjaan di sektor kerajaan, swasta / syarikat seperti BSP Co., LNG, polis dan tentera.

Kampung Danau diambil sempena nama sebuah takungan air, iaitu luagan. Mengikut cerita, kampung ini didatangi oleh seorang ulama dari Sumatera yang pernah menjadi imam di masjid kampung ini.

Ulama tersebut menamakan luagan tersebut sebagai Danau. Maka sebutan danau itu kekal dan akhirnya lahirlah nama Kampung Danau. Danau atau luagan ini masih boleh dilihat hingga sekarang walaupun sedikit berubah oleh faktor masa dan keadaan.

Ia terletak tidak jauh dari Sungai Danau, iaitu berdekatan dengan Tugu Peringatan Kampung Danau yang ada sekarang. Airnya tidak pernah kering. Dulu luagan ini luas dan dalam. Di dalamnya terdapat berbagai-bagai ikan sungai kerana air sungai akan masuk ke luagan ini terutama bila sungai pasang.

Mengimbau kenangan lalu yang berakhir pada awal tahun 60-an, Kampung Danau merupakan perhentian kenderaan dari Bandar Brunei ke Daerah Belait, dan dari Pekan Belait ke Bandar Brunei, kerana kenderaan-kenderaan tersebut akan dibawa / diangkut menaiki bantuan untuk diseberangkan ke Kuala Tutong dan sebaliknya melalui jambatan yang dibina untuk penurunan kereta ke bantuan.

Nostalgiknya, kedai-kedai yang terdapat dekat kawasan jambatan ini akan menjadi meriah dan ramai dengan kehadiran kenderaan yang membawa ramai penumpang menunggu untuk diangkut ke Kuala Tutong atau kenderaan yang terkandas disebabkan air laut pasang, kerana laluan untuk pergi ke Daerah Belait menggunakan pantai. Pada masa itu terdapat deretan kedai sebanyak empat pintu kedai runcit dan kedai makan dan minum selain tiga buah kedai yang berasing. Pada masa itu dalam kalangan pengunjung untuk menikmati minum pagi atau petang terkenal dengan cucur kacang dan kelupisnya.

Keadaan ini berakhir apabila Jambatan Telisai terbina dan jalan raya dari Telisai ke Pekan Tutong telah mula digunakan pada akhir tahun 50-an.

Seperti halnya dengan kampung-kampung lain di negara ini, Kampung Danau juga menerima arus perubahan, kemajuan dan pembangunan. Pembinaan jalan raya yang moden (berturap tar) yang dibina pada pertengahan tahun 50-an menjadikan kemudahan kepada penduduk kampung untuk menikmati perjalanan dengan selesa. Mereka yang berkemampuan membeli kenderaan sendiri atau sekurang-kurangnya memiliki motosikal dan basikal.



MASJID Kampung Danau merupakan masjid pertama dibina di Negara Brunei Darussalam pada era bermula perkembangan Islam.



DANAU yakni luagan ini menjadi nama bagi Kampung Danau.

Sekarang ini selain pembinaan sebuah masjid, sekolah serta balai raya yang serba sederhana bangunan-bangunan tersebut telah dibaiki, diubah-suai bahkan ditambah menjadikannya lebih baik dan bersesuaian dengan keadaan masa sekarang. Keperluan-keperluan asas seperti letrik, air dan telefon telah lama disediakan. Terdapat sebuah Dewan Kemasyarakatan yang baru yang boleh menampung tiga ke empat ratus orang dan di dalamnya tersedia gelanggang permainan badminton.

Pembinaan rumah kediaman semakin bertambah. Reka bentuk rumah juga sudah berubah. Kalau dulu rumah-rumah beratapkan daun nipah atau kayu (kapang) berlantaikan nibung dan papan serta berdinginkan kulit kayu dan papan, bertiang kayu, tetapi sekarang telah berubah. Sebahagian besarnya dibina dengan bahan konkrit yang lebih baik dan tahan. Ukuran dan keluasan rumah serta bilik yang selesa dan mewah. Ada terdapat hampir 200 buah telah terbangun di kampung ini.

Berdekatan pantai memang banyak rumah kediaman dibangunkan. Kebimbangan penduduk sedikit sebanyak berkurangan dari dilanda oleh hakisan pantai terutama di musim tengkujuh pada bulan Disember dengan adanya tindakan kerajaan membina tembok batu bagi menghadang pukulan ombak. Pembinaan tembok batu ini bermula pada awal tahun 90-an. Demikian jua hakisan yang berlaku di tebing sungai berdekatan dengan Masjid Kampung Danau dan jabatan batu lama, telah dipasang gabion.

Dalam bidang perusahan dan perekonomian terdapat kolam menternak udang yang boleh dianggap luas dan diusahakan oleh rakyat Brunei bertempat di Kampung Keramat. Kolam udang ini telah beroperasi pertengahan tahun 90-an.

KEGIATAN

Melalui pertubuhan dan badan-badan yang terdapat di kampung ini seperti persatuan, Majlis Perundingan Kampung dan Jawatankuasa Takmir Masjid, beberapa kegiatan telah berjaya diadakan sebagai usaha bagi mengukuhkan lagi perpaduan dan keharmonian penduduk kampung dengan menanam sikap bekerjasama dan bergotong-royong.

Menjadi kebanggaan bagi penduduk kampung yang setiap tahun dapat mengukuhkan kegiatan beribadah korban pada bulan Zulhijjah. Kegiatan ini telah hampir 20 tahun dilaksanakan yang mengorbankan tidak kurang daripada enam ekor kerbau setiap tahun. Kegiatan ini dikendalikan bersama MPK Danau dan Jawatankuasa Takmir Masjid Danau.

Kegiatan Sambutan Hari Kebangsaan juga hampir setiap tahun diadakan dengan acara menaikkan bendera negara. Sambutan Hari Kebangsaan yang masih dalam ingatan penduduk kampung pertama kalinya diadakan ialah Manifestasi Kemerdekaan yang diadakan pada 10 Mei 1998.

MPK Danau dengan kerjasama Persatuan Angkatan Melayu Danau telah juga mengukuhkan satu lagi kegiatan nostalgianya, iaitu Pesta Pantai Danau Untuk VBY 2001, sempena Tahun Melawat Brunei 2001.

Majlis-majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung, Kempen Membersihkan Tanah Perkuburan, Majlis Ramah Mesra Aidilfitri adalah kegiatan setiap tahun diadakan. Pada tahun 2014 telah diadakan Kegiatan tiga dalam satu yang diadakan dalam seminggu, iaitu Sambutan Hari Keluarga, Majlis Memperingati Penubuhan Masjid dan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 Negara Brunei Darussalam.



KEDAI yang tertua beroperasi di Kampung Danau.

Penghijrahan *mindset*

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta selamat di dunia dan selamat di Akhirat.

Rasa syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana negara kita mempunyai seorang raja yang benar-benar prihatin dan sentiasa memikirkan kebajikan rakyatnya. Baru-baru ini Majlis Mesyuarat Negara bersidang lagi dan pada Hari Istiadat Pembukaan Rasmi, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara 2015, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan agar kita selaku rakyat melakukan perubahan cara berfikir atau penghijrahan *mindset*, daripada suka bergantung kepada bantuan semata-mata supaya beralih kepada lebih berdikari dan berusaha.

Saranan baginda untuk berdikari dan berusaha ini bertepatan dengan apa yang diperintahkan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya. Sebagai contoh Nabi Daud Alaihissalam, Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan kemampuan membuat baju-baju besi kepada baginda sebagaimana firman Allah

Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Anbiyaa ayat 80:

Tafsirnya: “Dan kami telah mengurniakan (Nabi Daud) membuat baju besi bagi kamu untuk menjaga keselamatan kamu dalam peperangan maka adakah kamu bersyukur?”

Firman Allah Subhanahu Wata'ala lagi dalam surah Saba' ayat 10-11:

Tafsirnya: “Dan demi sesungguhnya kami telah mengurniakan kepada Nabi Daud limpah kurnia dari kami, (Kami berfirman): “Hai gunung-ganang dan burung-burung! bertasbihlah bersama-sama Nabi Daud,” dan kami juga telah melembutkan besi baginya. (serta kami wahyukan kepadanya) “Buatlah baju-baju besi yang labuh dan ukurlah jalinannya sekadar yang dikehendaki dan kerjakanlah amal soleh. Sesungguhnya aku maha melihat apa yang kamu kerjakan.”

Dengan kepandaian dan kemahiran yang Allah kurniakan itulah, Nabi Daud Alaihissalam telah menjadikan kepandaian dan kemahirannya sebagai tukang besi itu menjadi sumber mata pencarian harian baginda dan memakan dari hasilnya, pada hal Nabi Daud Alaihissalam adalah seorang nabi dan raja. Hal ini juga telah dijelaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadith, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Maksudnya: “Sesungguhnya Nabi Daud tidak makan kecuali dari hasil jerih payahnya sendiri.” (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

Daripada hadith ini dapat kita ambil pengajaran

“DAN bagi tiap-tiap manusia atau jin itu disediakan darjat-darjat (tingkatan balasan sesuai dengan apa) yang mereka telah kerjakan. Dan tuhan mu tidak lalai terhadap apa yang mereka kerjakan.”

berapa seorang nabi pun dituntut berusaha untuk mencari nafkah sehariannya. Begitulah juga sepatutnya kita.

Di Majlis Isitadat Pembukaan Rasmi itu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengenai perlunya kita mengekalkan dasar kestabilan *fiscal* yang akan membolehkan negara menjimatkan perbelanjaan dan mampu untuk menabung lebih pendapatan bagi menampung peruntukan-peruntukan di waktu kita memerlukan. Sikap menabung adalah satu sifat yang terpuji dan patut menjadi amalan khususnya dalam pengurusan perbelanjaan di peringkat individu dan keluarga. Amalan berjimat cermat ini juga adalah dijelaskan di dalam Al-Qur'an dalam surah Yusuf ayat 47-48:

Tafsirnya: “Nabi Yusuf berkata: Hendaklah kamu bercucuk tanam seperti biasa selama tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya (supaya ia tidak cepat rosak) kecuali sedikit untuk kamu makan”. Kemudian akan datang sesudah itu tujuh tahun musim kemarau yang dahsyat yang akan menghabiskan bekalan untuk makanan yang kamu sediakan untuk menghadapinya kecuali sedikit daripada apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).”

Ayat ini menyarankan kita agar sentiasa berwaspada, berjimat cermat dan sentiasa bersiap siaga menyediakan bekalan untuk keperluan sewaktu kita memerlukannya nanti.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut adalah satu seruan yang murni dan perlu dijunjung dan dilaksanakan oleh kita semua kerana berusaha itu diperintahkan oleh agama Islam. Dalam perkara berusaha untuk



memenuhi keperluan kehidupan ini, kita patutlah menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai *Khudwatun hasanah*, iaitu contoh ikutan yang baik di mana baginda merupakan seorang usahawan dengan menjalankan perniagaan Saiyidatina Khadijah ke Negari Syam.

Oleh yang demikian janganlah kita hanya berdiam diri, berpeluk tubuh tanpa berusaha kerana orang Islam yang kuat berusaha itu lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana dalam sebuah hadith:

Maksudnya: “Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dicintai Allah daripada mukmin yang lemah.” (Riwayat Al-Imam Muslim).

Ketahuilah, sesiapa yang berusaha dengan gigih, ia pasti akan mendapat hasil dan kejayaan, sepertimana pepatah arab ada menyebutkan “*man jadda wajada*” ertinya siapa yang berusaha ia pasti akan berjaya.

Oleh itu, kita selaku rakyat perlulah menyokong sepenuhnya usaha kerajaan dalam meningkatkan kestabilan sosioekonomi negara. Akhirnya marilah kita berdoa semoga raja, rakyat, bangsa dan agama kita akan terus diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan kita semua dijauhkan dari musibah dan bala bencana. Amin ya rabbal alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-An'aam ayat 132:

Tafsirnya: “Dan bagi tiap-tiap manusia atau jin itu disediakan darjat-darjat (tingkatan balasan sesuai dengan apa) yang mereka telah kerjakan. Dan tuhan mu tidak lalai terhadap apa yang mereka kerjakan.”

وقت سمبھيغ داعيره بروئي موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيغ ، امساك ، شوروق دان ضحي باقي داعيره بروئي موارا دري هاري سبتو 14 مرج 2015 برسامان دغن 23 جمادي الأول 1436 هيغث كهاري جمعة 20 مرج 2015 برسامان 29 جمادي الأول 1436 اداله سقرت دباوه اين:

عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساك	هجريه جمادي الأول	هاري	مسيحي مرج
7 . 42	6 . 33	3 . 42	12 . 31	6 . 50	6 . 27	5 . 11	5 . 01	23	سبتو	14
7 . 41	6 . 32	3 . 42	12 . 31	6 . 50	6 . 26	5 . 10	5 . 00	24	احد	15
7 . 41	6 . 32	3 . 41	12 . 31	6 . 49	6 . 26	5 . 10	5 . 00	25	اثنين	16
7 . 41	6 . 32	3 . 40	12 . 30	6 . 49	6 . 26	5 . 10	5 . 00	26	ثلاث	17
7 . 41	6 . 32	3 . 39	12 . 30	6 . 48	6 . 25	5 . 09	4 . 59	27	رابو	18
7 . 41	6 . 32	3 . 38	12 . 30	6 . 48	6 . 25	5 . 09	4 . 59	28	خميس	19
7 . 41	6 . 32	3 . 38	12 . 30	6 . 47	6 . 24	5 . 08	4 . 58	29	جمعة	20

وقت ٢ سمبھيغ باقي داعيره توتوغ دتمبه ساتو ميثيت دان داعيره بلاعت دتمبه تيك ميثيت دان سمبھيغ فرض جمعة دسوروبه نكارا بروئي دارالسلام دمولاوي دري فوكول 12.45 نغه هاري

Meningkatkan imej PKS

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah memperkenalkan beberapa bentuk penganugerahan dan pengiktirafan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dihasratkan untuk meningkatkan imej mereka di mata masyarakat, komuniti peniaga-peniaga dan juga pelabur-pelabur.

Pada misalnya, bersempena Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan. Penganugerahan-penganugerahan seperti Anugerah Peladang, Petani, Penternak Berdaya Maju, Anugerah Peladang, Petani, Penternak Inovatif, Anugerah Penternak dan Nelayan Berjaya, Anugerah Penternak dan Nelayan Berdaya Maju dan Anugerah Penternak dan Nelayan Inovatif adalah satu usaha untuk mengangkat imej PKS dalam sektor-sektor tertentu iaitu pertanian, penternak dan perikanan.

Menjawab soalan yang dikemukakan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim; Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber

Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan bahawa penganugerahan seperti itu adalah sebagai penghargaan ke atas pencapaian cemerlang mereka dalam menyumbang kepada perkembangan sektor-sektor berkenaan dan juga perkembangan sosioekonomi negara.

Selain itu, pencapaian pengusahaan-pengusaha dalam mendapatkan persijilan seperti Good Agriculture Practice (GAP) dan persijilan Hazard Analysis And Critical Control Point (HACCP) dalam perusahaan yang diceburi juga dilihat sebagai bukan sahaja perakuan tentang amalan terbaik dalam perusahaan yang dijalankan bahkan menjadi landasan untuk mengangkat imej PKS di negara ini.

Menurut Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, bagi mengukuhkan lagi usaha untuk meningkatkan imej PKS di negara ini, satu perkara asas yang dilihat penting pada ketika ini ialah untuk membangunkan pangkalan data

PKS ataupun SME database. Dengan adanya SME database ini, data dan maklumat kesemua PKS yang ada di negara ini akan dapat dikumpulkan dan disusun secara teratur, komprehensif, terkini, telus dan dapat diakses.

Dengan cara sedemikian, data dan maklumat PKS dalam aspek-aspek seperti profil syarikat, jenis perniagaan dan perusahaan, aset, keramaian pekerja, skala perusahaan, pelaburan, pendapatan, eksport, pinjaman dan lain-lain maklumat adalah tersimpan dan terkumpul di dalam pangkalan data PKS.

“Untuk itu data dan maklumat tersebut akan dapat digunakan serta menjadi antara parameter sebagai sukat-sukat pihak tertentu dalam menilai pencapaian kecemerlangan, kedayasaingan, kedayatahan, kualiti dan kompetensi PKS yang akan layak dicalonkan untuk pengiktirafan dan penganugerahan,” jelas Yang Berhormat.

Justeru itu, tambah Yang Berhormat, di pihak agensi-agensi berkepentingan dalam mengumpulkan dan menyusun data maklumat PKS kerjasama dan penyelarasan padu adalah sangat penting. Sementara



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

di pihak PKS kerjasama dalam membekalkan maklumat-maklumat perusahaan mereka sama juga pentingnya.

Menyentuh mengenai penurunan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam indeks Ease of Doing Business dari tangga 98 pada tahun 2013 kepada 101 pada tahun lepas, Menteri Perindustrian dan



Sumber-Sumber Utama menjelaskan, ia disebabkan oleh beberapa perkara antaranya perubahan beberapa tatacara dan metodologi perkiraan.

Tatacara perkiraan yang baharu telah diperkenalkan iaitu daripada sistem ordinal ataupun sistem susunan ataupun urutan kepada sistem *cardinal matrix* yang perkiraannya adalah berdasarkan jauhnya dari pengamal-pengamal yang terbaik yang dikenali sebagai Distance To Frontier ataupun DTF. Melalui tatacara baharu ini akan nampak jurang ataupun *gap* sesebuah ekonomi dengan Best Performer ataupun Best Practices.

Penyewaan Lesen Perniagaan sulit dikawal

Laporan : Nur Faizzah Nawang
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas MMN yang bersidang pada hari kelima di Bangunan Dewan MMN, di sini, telah membangkitkan isu Akta Lesen Rampaian yang antara lain memperuntukkan bagi Lesen Rampaian digantikan dengan Lesen Perniagaan yang dimulakan pada Januari lalu yang dilaporkan boleh diperolehi dalam masa satu hari dengan mudah, cepat dan telus.

Di mana, menurut Yang Berhormat, dalam masa satu bulan pindaan itu dilaksanakan, iaitu pada 31 Januari 2015 dilaporkan sejumlah 441 lesen perniagaan telah dikeluarkan atau diluluskan.

Bagi perkara tersebut, Yang Berhormat ingin mengetahui bagaimanakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membuat kawalan ke atas kegiatan bahawa lesen-lesen perniagaan boleh

diperolehi dengan mudah dan tidak akan disewakan kepada rakyat asing untuk menjalankan perniagaan di negara ini seperti yang lumrah berlaku selama ini.

Menjawab persoalan yang dikemukakan itu, Menteri Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Yang Berhormat Menteri memperakui bahawa perkara ini sulit untuk dikawal, kerana sebelum sistem yang baharu ini, ianya juga sukar untuk mengawal lesen bukan diperniagakan tapi diguna sama oleh pihak-pihak lain terutama sekali orang-orang asing yang datang ke Negara Brunei Darussalam untuk berniaga.

Dalam perkara ini, jelas Yang Berhormat, untuk mengawal dalam sistem yang baharu ini adalah sulit kerana pertama, mereka mendaftar syarikat dan pendaftaran itu setelah diluluskan semula seperti yang terdahulu.

Walau bagaimanapun, orang ramai mestilah memahami apa sebenarnya risiko jangka panjang kepada negara, masyarakat dan bangsa jika selama-lamanya mereka datang untuk mendapatkan lesen dan lesen itu yang menjadi punca pendapatan mereka tanpa mengeluarkan sebarang modal, ikhtiar dan sebagainya, jelas Yang Berhormat.

Di samping itu, kesan daripada penyewaan ini ialah impak orang-orang asing di negara ini akan memonopoli semua perniagaan termasuk perniagaan kecil-kecilan.

Apa yang penting, tegas Yang Berhormat, orang ramai perlu diajak untuk menyedari kepentingan, akibat-akibat atau risiko-risiko jangka panjang kepada negara keseluruhannya.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.



PEGAWAI-PEGAWAI kerajaan, guru-guru dan para penuntut berpeluang melihat dengan lebih dekat perjalanan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Dokumentasikan 1P1K ke pasaran lebih meluas

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Isu pemasaran barangan ‘Satu Produk Satu Kampung’ (1P1K) secara tetap turut dibahas pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Bangunan Dewan MMN, di sini.

Menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai ‘1P1K’ itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berkata, peningkatan mutu produk adalah menjadi keutamaan berbanding dua tahun lalu dalam meningkatkan *packaging* sahaja.

“Nampaknya sekarang ini mutu barangnya sendiri sudah bagus dan *packaging*nya pun sebahagiannya sudah bagus,” ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam mengangkat produk dalam pasaran secara meluas, Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri menambah, usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) pada masa ini mendokumentasikan produk-produk kampung dan sehingga 31 Disember akhir tahun lepas, dokumentasi itu sudah siap untuk menentukan berapa banyak produk yang dibuat di seluruh negara.

Katanya, produk 1P1K di Daerah Temburong, dalam dokumentasi yang ada ialah sebanyak 54 produk, iaitu dengan penyertaan lima mukim dan 15 buah kampung iaitu termasuk 42 produk makanan, manakala 12 produk anyaman dan kraf tangan.

Seterusnya, Daerah Belait dengan dengan penyertaan empat mukim dan sembilan kampung menghasilkan 34 produk 29 produk makanan dan lima produk anyaman dan kraf tangan, diikuti dengan Daerah Tutong yang melibatkan lapan mukim dan 12 kampung menghasilkan 32 produk, iaitu sebanyak 27 produk makanan dan minuman serta lima produk anyaman dan kraf tangan.

Daerah Brunei dan Muara pula hanya 25 produk yang dapat didokumentasikan pada masa ini dengan tujuh mukim dan 12 kampung yang terlibat, iaitu 20 produk makanan dan minuman serta anyaman dan kraf tangan berjumlah enam produk, jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Berikutan penghasilan produk-produk berkenaan, Yang Berhormat menyatakan, ia menunjukkan satu usaha untuk mengangkat taraf produk-produk ini ke satu taraf yang boleh dipasarkan dengan secara yang lebih meluas.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Peruntukan BND537,490,460 Kementerian Pertahanan diluluskan

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, anggaran perbelanjaan Kementerian

Pertahanan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2015 / 2016 adalah sebanyak BND537,490,460.

Jumlah itu merupakan penurunan sebanyak 25.26 peratus daripada anggaran yang diluluskan pada Tahun Kewangan yang lalu.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut semasa membacakan mukadimah mengenai peruntukan Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2015 / 2016 yang telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan pada hari keempat berlangsung Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Majlis, MMN, di sini.

Itu jelas Yang Berhormat, sebagai langkah untuk memandu jawatankuasa ini untuk menimbangkan permohonan peruntukan Kementerian Pertahanan ini secara fokus.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai pembahagian peruntukan yang

diluluskan itu adalah bagi Pembayaran Gaji, iaitu sebanyak BND336,146,330, diikuti dengan Perbelanjaan Tahunan Berulang-ulang sebanyak BND169,344,130, dan kemudian lain-lain pembayaran Perbelanjaan Khas sebanyak BND32 juta.

Tambahnya, bagi Kategori Perbelanjaan Pembayaran Gaji terdapat penambahan sebanyak BND15,276,960 berbanding tahun lepas.

Yang Berhormat menerangkan, penambahan ini berpunca daripada kenaikan Gaji Tahunan (Annual Increment) dan pengisian jawatan-jawatan kosong yang ada pada masa ini.

Kenaikan yang ketara ini terangnya, berpunca daripada penambahan jawatan baharu khusus bagi kakitangan pemeliharaan kelengkapan teknikal yang mengambil kira penambahan peralatan kelengkapan khususnya keupayaan Tentera Laut Diraja Brunei dan Tentera Udara Diraja Brunei.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bagi kategori lain, bagi Perbelanjaan Tahunan Yang Berulang, ia menurun sebanyak 0.2 peratus disebabkan oleh pengurangan pengambilan kakitangan *open vote* dan bergaji hari.

Manakala bagi kategori bayaran Perbelanjaan Khas jelasnya, menurun sebanyak 86 peratus, sejumlah besar penurunan ini disebabkan oleh peruntukan bagi Projek Peningkatan Keupayaan Pertahanan yang sebelum ini di bawah kawalan Kementerian Pertahanan telah dipindahkan ke akaun baharu di bawah Peruntukan Perbelanjaan Khas Kementerian Kewangan.

Tambahnya, sebahagian lagi Peruntukan Perbelanjaan Khas berpunca daripada penelitian semula keutamaan di atas projek-projek keupayaan tentera dan kerja-kerja bangunan bagi menyelaraskan keadaan ekonomi semasa.

Selain itu, Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM juga menjelaskan, memandangkan usia Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang melebihi separuh abad, Kementerian Pertahanan sentiasa memastikan keupayaan tentera ABDB sentiasa di tahap yang tinggi.

Usaha ke arah peningkatan keupayaan tentera katanya, telah berjalan dengan baik sejak enam tahun kebelakangan ini yang meliputi alat kelengkapan tentera, mobiliti dan pengangkutan institusi-institusi latihan dan sebagainya.

Namun usaha ini jelasnya, masih perlu diteruskan memandangkan kepada perkembangan dan peranan serta tanggungjawab ABDB yang semakin mencabar baik di peringkat negara, ataupun antarabangsa.

Yang Berhormat seterusnya



menjelaskan, dalam waktu yang sama, Kementerian Pertahanan juga akan mengambil peranan penting ke arah usaha mencapai Wawasan Negara 2035, iaitu membentuk satu strategi keselamatan yang *robust* dan berkesan untuk memelihara kestabilan dan kedaulatan negara, menjamin hubungan diplomatik pertahanan dan siap siaga dalam menangani sebarang ancaman termasuk bantuan kemanusiaan dan bencana alam.

“Kementerian Pertahanan sedang membuat kajian pertahanan secara terperinci bagi memastikan keberkesanan pengurusan pertahanan yang *cost effective* dan perancangan jangka masa panjang yang melahirkan kesan yang positif terhadap kekuatan tentera dan pertahanan negara,” jelas Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM.

“Kementerian Pertahanan akan terus mengamalkan sikap berhemah dalam berbelanja dan memastikan *corporate governance* seperti menginstitusikan kaedah *programme and performance budgeting* dalam pengurusan.”

Menyalahgunakan media sosial akan didakwa

Laporan : Syirain Afifi Md. Fadzil
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Pejabat Peguam Negara aktif dalam memastikan bahawa individu yang menyalahgunakan media sosial akan didakwa mengikut undang-undang yang sedia ada sehingga ke tahap sepenuhnya.

Sejak tahun 2012 Masihi, tujuh pendakwaan telah dijalankan ke atas individu-individu yang telah menyalahgunakan media sosial.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab soalan daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai tindakan undang-undang terhadap individu-individu yang menyalahgunakan media sosial.



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

“Dalam satu kes, seorang individu telah dihukum penjara 10 bulan kerana memuat naik gambar-gambar yang menyalahi undang-undang berkaitan seseorang yang dikenali beliau. Individu tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Bab 509 dan di bawah Bab 292 (3)(a) Kanun Hukuman Jenayah Panel Kod Penggal 22,” jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman.

Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM berkata, dalam satu kes yang lain, seseorang individu yang membuat ancaman yang menyebabkan kecederaan fizikal kepada pegawai Polis Diraja Brunei (PDB) serta menyerang integriti dan kebebasan (Independent System) Mahkamah dengan mencatatkannya dalam forum kumpulan 'Facebook' telah didakwa dengan kesalahan ugutan jenayah Criminal Intimidation di bawah Bab 506 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan dijatuhi hukuman enam (6) bulan penjara.

Sehubungan itu, beberapa individu lain juga telah didakwa oleh pihak Pejabat Peguam Negara atas kesalahan fitnah jenayah *criminal defamation* mengambil dan menyebarkan gambar lucah orang belum dewasa dan peras ugut.

“Dalam usaha-usaha pencegahan, Pejabat Peguam Negara telah aktif dalam mendekati golongan belia di negara ini dan memaklumkan kepada mereka mengenai implikasi negatif sosial, media ceramah di seluruh negara yang dijalankan oleh timbalan-timbalan pendakwa raya

Jabatan Peguam Negara yang bertajuk Risiko dan Bahaya Media Sosial kini telah disampaikan kepada kira-kira 5,000 orang penuntut, di 15 buah sekolah dan institusi pendidikan di negara ini,” jelasnya.

Ceramah antara lain membincangkan *trend* yang berbahaya yang diperhatikan dalam media sosial seperti sindiket dadah yang menggunakan laman internet untuk mencari penghantar dadah, pembuli siber dan menyebarkan mesej WhatsApp yang kadangkala mengandungi pautan pengaliran dan berunsur fitnah.

Menurutnya, Jabatan Peguam Negara masih lagi dan akan meneruskan usaha mereka bagi menyebarkan kesedaran media sosial ini atas permintaan yang banyak dari sekolah-sekolah dan institusi pendidikan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah mengambil langkah-langkah melalui Kementerian Perhubungan dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AiTi) untuk menangani isu-isu keselamatan siber termasuk Content Advisory Council (CAC) yang telah ditubuhkan untuk mengawasi kawalan terhadap media sosial di negara ini.

Selain itu, satu lagi inisiatif yang dibangunkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan PDB adalah ‘Child online protection framework’ yang dibentuk untuk menangani jenayah seksual yang berlaku melalui internet yang melibatkan golongan muda dan mudah terjejas dalam masyarakat.

Penelitian, pertimbangan secara komprehensif dan menyeluruh perlu

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Kelambatan-kelambatan Skim Perkhidmatan Profesional dan Teknikal, Kementerian Pembangunan, Allied Health Profession, skim perkhidmatan bagi jawatan Pegawai Yang Menguasai Lalu Lintas Udara telah pun dibincangkan beberapa kali oleh Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan perkara tersebut semasa mengulas soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN 2015 pada hari keempat yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM berkata, pada masa ini semua kertas cadangan skim ini masih memerlukan maklumat-maklumat tambahan bagi perkhidmatan yang di bawahnya banyak terdapat berbagai-bagai bidang.

Penelitian dan pertimbangan ini ujar Yang Berhormat, dilaksanakan secara komprehensif dan menyeluruh, bukan sahaja kitani melihat dari segi skim-skim tersebut sahaja, tetapi dari segi keselarasannya dan keteraturannya *in relation* kepada skim-skim yang berkaitan dan telah diluluskan di skim-skim yang lain.

Oleh yang demikian, tambah Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam akan mempercepatkan lagi untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan yang diperlukan.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Perkembangan dan pengkhususan sumber tenaga, skop dan bidang kerja, serta peruntukan yang mencukupi, selaras dengan keperluan semasa perlu untuk memantapkan lagi perkhidmatan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi memelihara dan membaiki pulih serta menangani masalah alam sekitar.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan demikian ketika menjawab isu alam sekitar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Bangunan Dewan MMN, di sini.

Ke arah mutu perkhidmatan yang lebih mantap dan cemerlang, jelasnya, JASTRe mempunyai



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.



PARA pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari pelbagai jabatan dan kementerian hadir bagi sama-sama mendengarkan persidangan pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Bangunan Dewan MMN.

JASTRe rancang tingkatkan kapasiti pengawalan, penguatkuasaan

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hernie Suliana Haji Othman

perancangan untuk mempertingkatkan kapasiti khususnya dalam bidang pengawalan dan penguatkuasaan alam sekitar dan tertakluk kepada terdapatnya (*availability*) sumber tenaga, kepakaran dan juga peruntukan kewangan yang mencukupi bagi keperluan tersebut.

“Kita seharusnya menyedari bahawa pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar adalah merupakan tanggungjawab yang perlu digalas bersama oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan tua, para belia, sektor kerajaan, sektor swasta, institusi-institusi pendidikan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau NGOs dan sebagainya.

“Alhamdulillah, kesedaran untuk memelihara alam sekitar amatlah menggalakkan dan sudah menjadi ketara, di mana dapat kita lihat penglibatan golongan belia-belia dan pelajar-pelajar sekolah, walaupun masih ada juga pihak-pihak yang tidak mengendahkan kebersihan alam sekitar dengan membuang sampah di sana-sini, dan juga dengan aktiviti-aktiviti yang tidak *mesra alam* yakni *not eco-friendly*, tegasnya lagi.

Mengenai Program Pendidikan Bersepadu, Yang Berhormat mengambil maklum dan akan membuat perbincangan bersama *stakeholders*. Walau bagaimanapun, JASTRe sendiri telah mengendalikan beberapa program pendidikan awam tentang alam sekitar secara tidak formal, seperti mengadakan taklimat dan bengkel yang dilaksanakan secara berterusan, demi mempertingkatkan kesedaran awam perihai alam sekitar, jelas Yang Berhormat.

Manakala isu flora dan fauna pula jelasnya, adalah terkandung di dalam skop kepelbagaian bio yang melibatkan beberapa agensi-agensi kerajaan yang lain, serta institusi pendidikan tinggi.

Menyentuh mengenai dasar alam sekitar pula, Yang Berhormat berkata, ia berhubung kait dengan perancangan dan pemeliharaan, serta pengawalan pencemaran alam sekitar perlu berkembang mengikut keperluan dan peredaran masa.

Katanya, beberapa dasar telah dilaksanakan termasuk amalan kitar semula untuk mencapai sasarannya (pencapaian pengurangan sebanyak 10 peratus bagi tahun 2015 dan 15 peratus bagi tahun 2020) melalui

beberapa inisiatif seperti pengurangan penggunaan beg plastik di peringkat kebangsaan dan penggunaan kompos bagi *green waste*.

Selain itu, ia juga termasuk dalam memastikan kelestarian alam sekitar melalui kaedah Environmental Impact Assessment (EIA) bagi projek-projek yang memberikan impak terhadap alam sekitar.

Tambahnya, dasar bagi penggunaan garis panduan kawalan

pencemaran alam sekitar bagi pembangunan industri yang menghadkan kadar *emission* dan *effluent discharge* telah memperuntukkan sebanyak 10 peratus daripada kawasan yang hendak dimajukan khusus untuk kawasan kehijauan.

“Semua dasar dan usaha ini adalah penting untuk dilakukan secara konsisten bukan berkala,” saran Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat seterusnya juga menegaskan, kesan perubahan iklim merupakan satu cabaran yang besar dan perlu untuk kita bertindak bukan sahaja di peringkat negara dan serantau tetapi juga di peringkat antarabangsa.



Peruntukan Kewangan bagi KHEDN bertambah

Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hernie Suliana Haji Othman



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 11 Mac. - Bagi Tahun Kewangan 2015 / 2016, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah diperuntukkan sejumlah BND164,838,470, bertambah sebanyak BND1,992,960, iaitu hampir 2 juta lebih daripada peruntukan Tahun Kewangan yang lalu. Peruntukan baru ini akan mula berkuat kuasa pada 1 April 2015.

Dalam peruntukan tersebut, SE01A Jabatan KHEDN diperuntukkan sejumlah BND24,775,400.00; SE02A Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan BND23,411,680.00; SE03A Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia BND9,071,880; SE04A Lembaga Bandaran Tutong BND2,563,240.00; SE05A Jabatan Buruh BND6,157,690.00; SE06A Pejabat Daerah Brunei dan Muara BND13,487,280; SE07A Pejabat Daerah Belait BND4,766,460; SE08A Pejabat Daerah Tutong BND5,559,860; SE09A Pejabat Daerah Temburong BND5,247,060; SE10A Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan BND19,970,600; SE11A Jabatan Penjara BND13,171,180 dan SE12A Jabatan Bomba dan Penyelamat

(JBP) BND36,656,140.

Menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, daripada jumlah BND164,838,470 itu, secara pecahan jumlah yang terbesar ialah Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang sahaja sebanyak BND151,416,370, sementara Perbelanjaan Khas di bawah SE01A Jabatan KHEDN ialah sebanyak BND13,422,100.

Yang Berhormat menjelaskan demikian ketika memberikan mukadimah mengenai kementerianannya pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Bangunan Dewan MMN, di sini.

Penambahan peruntukan KHEDN itu, menurut Yang Berhormat, adalah mengambil kira perkara-perkara yang difikirkan amat penting, antaranya termasuk Gaji Kakitangan; Penambahan Peruntukan Elaun Perumahan; Penambahan Peruntukan Elaun Penyelamat; Elaun Standby bagi JBP dan Perbelanjaan Berulang-Ulang yang antara lain mengambil kira perkara-perkara seperti Penambahan Peruntukan Pemeliharaan Aset bagi Lembaga Bandaran Tutong; Jabatan Buruh; Bahagian Penjara Maraburong, Jabatan Penjara; dan JBP.

Sementara itu, penambahan Peruntukan Utiliti keseluruhannya dan Perbelanjaan Operasi untuk beberapa jabatan di bawah KHEDN, juga penyebab peningkatan kepada peruntukan kewangan KHEDN.

Semua itu, menurut Yang Berhormat, adalah suatu kenaikan yang drastik, umpamanya bagi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan yang asalnya BND30,000 menjadi

BND400,000.00. Pejabat Daerah Tutong yang asalnya BND23,000.00 menjadi BND350,000.00 dan di Bahagian Penjara Maraburong, Jabatan Penjara yang asalnya BND30,000.00 menjadi BND380,00.00 dan sejumlah BND500,000.00 di JBP dahulu dan sekarang diberikan peruntukan BND2 juta.

Seterusnya peruntukan juga diberikan bagi Pengurniaan dan Yuran sejumlah BND1.3 juta di Jabatan KHEDN bagi membiayai Yuran Tahunan Jabatan Penjara kepada Bahagian Pejabat Penyelaras dan Co-Rapporteur ASEAN and Pacific Conference of Correctional Administration (APCCA).

Selain itu, jelas Yang Berhormat, Penambahan Peruntukan juga diberikan kepada Majlis Perundingan Kampung sejumlah BND30,000 kepada BND630,000 bagi Jabatan KHEDN. Manakala peruntukan bagi aktiviti perekonomian mukim dan kampung sejumlah BND700,000 disediakan, dan peruntukan bagi menaik taraf Jalan Buau, Biadong, Sukang, Melilas sejumlah BND4 juta bagi meneruskan projek yang telah dirancang dan dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2014 / 2015 Masihi.

Dalam mukadimahnyanya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga menjelaskan, peruntukan bagi pengurusan bencana alam masih tetap berjumlah BND3 juta termasuk disediakan khusus bagi membiayai keperluan logistik dan lain-lain semasa mengalami atau menangani bencana alam.

Sementara lain-lain projek yang akan dilaksanakan termasuklah projek bagi kerja-kerja pembaikan, pemeliharaan, pengubahsuaian dan menaik taraf bangunan dan kawasan sejumlah BND2.58 juta.

Produktiviti dan kualiti perkhidmatan terus dipertingkatkan

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong peruntukan sebanyak BND1,223,912,510 bagi Tahun Kewangan 2015 / 2016, jumlah yang bertambah sebanyak BND56,085,770.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan mukadimah kementerannya dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2015 di hari keempat yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan

Dewan Majlis, di sini.

Pertambahan ini menurut Yang Berhormat, mengambil kira peningkatan sebanyak 1.6 peratus Gaji Kakitangan, Perbelanjaan Berulang-Ulang berkurangan sebanyak 2.7 peratus dan peningkatan sebanyak 13.4 peratus bagi Perbelanjaan Khas.

“Alhamdulillah, pada Tahun Kewangan 2014 / 2015 Masihi, Kementerian Kewangan dengan kerjasama erat agensi-agensi kerajaan yang lain, antaranya Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Pejabat Peguam Negara dan lain-lain, beberapa inisiatif telah dapat dilaksanakan dalam meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai. Ini secara langsung mendukung usaha-usaha kerajaan ke arah mewujudkan persekitaran



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

perniagaan yang kondusif dan kompetitif,” jelas Yang Berhormat.

Antara inisiatif-inisiatif tersebut ujar Yang Berhormat, termasuk memudahkan proses memulakan perniagaan, khususnya bagi meringkas dan mempercepatkan proses pendaftaran syarikat-syarikat melalui beberapa pindaan ke atas Akta Syarikat, di samping itu melaksanakan sistem pendaftaran syarikat-syarikat dan nama perniagaan, *e-registry* pada bulan

Januari 2015 dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, proses pendaftaran syarikat dan untuk memulakan perniagaan telah dapat dikendalikan dalam tempoh kurang dari satu hari.

Seterusnya, jelas Yang Berhormat, ialah melaksanakan beberapa inisiatif di bawah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, untuk memudahkan lagi pengurusan proses import dan eksport barangan ini dengan mengurangkan bilangan dokumen yang diperlukan dan melaksanakan pengurangan kadar cukai pendapatan korporat kepada hanya 18.5 peratus.

“Langkah ini selaras dengan inisiatif yang dimaklumkan semasa pembentangan Rang Belanjawan Tahun Kewangan 2014 / 2015 pada tahun lepas, bagi menyediakan iklim perniagaan yang kondusif dan meningkatkan lagi daya saing negara dalam menarik pelaburan asing. Melalui inisiatif ini ia menjadikan kadar cukai korporat yang dikenakan oleh negara ini sebagai antara yang paling kompetitif dalam kalangan anggota ASEAN, serantau dan antarabangsa,” tambahnya lagi.

Menurut Yang Berhormat bagi memperkembangkan lagi pengurusan pembayaran kepada syarikat-syarikat



pembekal, Jabatan Perbendaharaan telah meningkatkan keupayaan *invoice tracking module* dengan memperkenalkan fungsi *e-mail notification* yang bertujuan untuk memberikan makluman melalui e-mel kepada pembekal dan pemborong terhadap status tuntutan pembayaran yang telah dihidapkan kepada agensi-agensi kerajaan.

Yang Berhormat berkata, sejak modul ini diperkenalkan pada pertengahan bulan Februari 2015, sejumlah lebih 50,000 *e-mail notification* telah dijana oleh sistem berkenaan dan dihasratkan untuk meningkatkan lagi akauntabiliti kementerian / jabatan bagi pemantauan yang telus ke atas tuntutan yang diterima daripada para pembekal dan pemborong agar isu-isu berkaitan pembayaran lambat seperti invois hilang dan sebagainya akan dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Teliti tatacara pemilihan ahli jawatankuasa

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Dewan Perniagaan Tiong Hua disaran agar meneliti semula tatacara pemilihan Ahli Jawatankuasa mengikut garis panduan yang sememangnya telah ditetapkan dalam Perlembagaan Dewan Perniagaan Tiong Hua mengikut beberapa proses dan tatacara yang perlu dipatuhi sebelum Bahagian Pendaftaran Persatuan Penarikan Bab 17.

Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar membuat saranan itu ketika menjawab soalan dan komen daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mengenai cadangan bagi menarik balik pengantungan di bawah Bab (17) Akta Pertubuhan Penggal 2013 bagi membolehkan Dewan Perniagaan Tiong Hua menghidupkan lagi semua aktiviti untuk mendukung kegiatan sosial dan ekonomi dan memudahkan interaksi bersama orang Tiong Hua di luar negara.

“Setakat ini, seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin tadi, Dewan Perniagaan Tiong Hua masih sah berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Penggal 2003, pengantungan ke atas Dewan Perniagaan Tiong Hua adalah disebabkan oleh pemilihan ahli jawatankuasa yang tidak adil,” jelas Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin menjelaskan bahawa penarikan balik Bab (17) di bawah Akta Pertubuhan Penggal 2003,



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

bukanlah di bawah bidang kuasa Dewan Majlis malahan perlulah dirujuk terus kepada pendaftar pertubuhan.

“Apa yang mustahak di sini adalah bagi Dewan Perniagaan Tiong Hua untuk menangani isu-isu dalaman yang melibatkan pemilihan jawatankuasa secara lebih telus (*transparent*) dan penafian hak mengundi mengikut peruntukan undang-undang di bawah Bab (17) Akta Pertubuhan Penggal 2003,” terang Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM.



YANG Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Industri pelancongan imbangi pembangunan negara

Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menumpukan sasaran pelancongan melawat ke Negara Brunei Darussalam.

Perkara tersebut dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad yang ingin mengetahui sama ada sasaran pertambahan pelancongan melawat Negara Brunei Darussalam pada tahun 2014 sebanyak lapan (8) peratus tercapai dan peratus sasaran yang akan dijangka pada tahun 2015 serta sasaran dan usaha pihak Jabatan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi memenuhi sasaran tersebut.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar ketika menjawab soalan tersebut menyatakan bahawa mengikut perangkaan Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam tiga

(3) tahun kebelakangan ini, bilangan pelancong yang datang ke negara ini telah mencapai lebih daripada tiga (3) juta orang setiap tahun berbanding tahun-tahun sebelumnya.

“Pada tahun lepas, lebih tiga puluh juta (3.8) juta orang pelancong dicatatkan. Dari jumlah tersebut 95 peratus adalah pelancong-pelancong yang masuk melalui sempadan, empat (4) peratus melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan satu (1) peratus melalui kapal persiaran. Jumlah pelancong yang diikutkan adalah melebihi bilangan yang disasarkan, iaitu seramai tiga puluh lima (3.5) juta orang,” jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah bagi tahun 2015, Jabatan Kemajuan Pelancongan menyasarkan pertumbuhan sebanyak tiga (3) peratus kedatangan melalui udara, lapan (8) peratus melalui perjalanan darat dan 10 peratus bagi kapal persiaran.

Yang Berhormat seterusnya menghuraikan bahawa pelancong-pelancong yang telah dicatatkan itu yang masuk melalui sempadan, kemasukan mereka bertujuan sama ada dikategorikan sebagai 'U-Turn' ertinya membaharui visa pekerjaan, mencari pekerjaan ataupun melawat keluarga serta sahabat manakala pelancong yang tiba melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, terdiri daripada pelancong sama ada untuk bercuti, berniaga, melawat keluarga serta sahabat dan persinggahan dan pelancong yang datang melalui kapal persiaran kebiasaannya hanya akan berada di negara ini tidak melebihi satu (1) hari.



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat menyatakan fokus Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam usaha untuk membangunkan industri pelancongan di negara ini ingin memposisikan dan menjenamakan Negara Brunei Darussalam kepada para pelancong sebagai sebuah negara yang berprestij, bersih dan sentiasa memelihara alam sekitar, alam semula jadi bagi mengimbangi kepesatan pembangunan negara.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, ia juga bagi menyasarkan segmen pasaran pelancong-pelancong yang mencari ketenteraman, ketenangan dan gaya hidup sihat dari segmen para pesara, warga emas berkeluarga, pencinta alam dan warisan budaya serta sejarah serta memfokuskan kepada beberapa kluster industri pelancongan yang strategik serta mempunyai kelebihan berbanding dan faktor kekuatan bagi Negara Brunei Darussalam.

“Kluster-kluster tersebut ialah Alam Semulajadi dan Islam Budaya dan Warisan. Dari aspek strategi dan program untuk memajukan industri ini dalam tempoh terdekat dan sederhana, penekanan adalah ditumpukan kepada usaha-usaha untuk menaikkan produk-produk pelancongan yang sedia ada. Meningkatkan khidmat pelancongan dan membangunkan produk-produk pelancongan,” jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakan, dalam jangka masa panjang, ditumpukan kepada usaha-usaha untuk memaksimumkan potensi Negara Brunei Darussalam melalui Pelaburan Langsung Asing yang akan melibatkan *strategic alliance* dengan agensi-agensi lain untuk menarik pelabur-pelabur berkualiti dari syarikat-syarikat *multi-national* bagi sama-sama memajukan industri pelancongan di negara ini.

Setting out bangunan perlu dibuat juruukur berlesen

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Pengukuran bagi menyediakan pancang (*setting out*) bangunan diperlukan oleh Divisyen Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) untuk memastikan rumah-rumah yang dibangunkan mengikut syarat yang telah ditetapkan dan tidak terkeluar daripada garis bangunan dan sempadan lot.

Kerja-kerja penyediaan pancang (*setting out*) perlu dibuat oleh Juruukur Berlesen yang dilesenkan oleh Jabatan Ukur dengan berpanduan harga pengukuran (*Scale of Fees*).

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera

Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan perkara tersebut pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang hari kelima di Bangunan Dewan MMN di sini iaitu bagi menjawab persoalan yang dikemukakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, mengenai satu persetujuan perlu dibuat bagi mempertimbangkan kepada mereka yang berpendapatan rendah iaitu permohonan bagi kerja-kerja bangunan khususnya bagi perumahan diberi pengecualian dan kerja yang berisiko rendah seperti pengubahsuaian kedai / rumah tidak

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hernie Suliana Haji Othman

lagi memerlukan Licenced Surveyor untuk kerja-kerja pengukuran untuk penyediaan pancang (*setting out survey works by Licensed Land Surveyors - LLS*) mulai dari 2 Februari 2015.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pembangunan, pihak Jabatan Ukur tidak ada halangan jika kerja-kerja *setting out* bangunan tersebut boleh dibuat sahaja oleh *contractor* berkenaan atau *Qualified Person* asalkan batu-batu tanda sempadan

tanah berkenaan yang masih dimestikan atau telah dibuat oleh *Licenced Surveyor* yang diiktiraf oleh Jabatan Ukur ada di atas tapak tanah berkenaan dan kedudukan rumah memenuhi kehendak ABCi dan peraturan dan garis panduan Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga menegaskan, tanggungjawab untuk memastikan ia tidak keluar daripada garis bangunan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

dan sempadan kini diletakkan di bawah QPs (atau pihak yang berkelayakan membuat pelan).

Lampu jalan Kampung Lubok Pulau siap Oktober 2015



Laporan :
Dr. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Masmaleh
Haji Mohd. Ali,
Azmah Haji Ahad

YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menjelaskan, lampu di Jalan Kampung Lubok Pulau dirancangan untuk dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2015 / 2016 ini dan insyaaAllah akan

siap pada bulan Oktober 2015 Masihi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM pada hari keempat berlangsung Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Majlis, MMN, ketika Yang Berhormat menjawab soalan

yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai lampu di sepanjang Jalan Kampung Lubok Pulau, Tanjong Maya dan sekitarnya sebagai jalan pintas untuk pergi ke Pekan Tutong demi keselamatan dan keselesaan orang ramai dan pengguna-pengguna jalan raya.

Jambatan Temburong dibina pemborong berpengalaman



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan, Projek Jambatan Temburong dibukakan secara *joint venture* kepada pemborong-pemborong tempatan dan antarabangsa.

Perkara tersebut disentuh berikutan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai projek berkenaan pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang hari kelima di Bangunan Dewan MMN, di sini.

Projek sebesar dan *complicated* seperti itu tegas

Laporan :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hernie Suliana Haji Othman

Yang Berhormat Menteri Pembangunan, memerlukan penglibatan pemborong yang mampu melaksanakan projek berkenaan, serta mempunyai pengalaman membina projek serta mempunyai tenaga kerja yang mahir, di samping memiliki *track record* yang sudah terbukti serta menawarkan harga yang berpatutan.

"Bagi pemborong yang berjaya, mereka juga dikenakan syarat supaya pemborong ini akan menggunakan pemborong tempatan membuat kerja-kerja utama atau *sub*, menggunakan bahan-bahan yang boleh diperolehi dalam negeri dan dibekalkan oleh pemborong tempatan," ujarnya.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga berharap projek besar berkenaan akan membawa *spin off* kepada ekonomi negara.

Tambahnya, bagi kerja-kerja pengukuran, Syarikat Juruukur Berlesen tempatan telah pun melaksanakan kerja-kerja tersebut dan semua kerja-kerja pengukuran di kawasan tersebut telah pun siap dilaksanakan pada tahun 2014.

Jalan raya terus dibina, elak kesesakan



YANG Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Perancangan Rangkaian Jalan Raya di dalam National Master Plan diharap antara lain bagi menghubungkan kawasan-kawasan utama, iaitu perumahan, perindustrian, sekolah dan bangunan-bangunan kerajaan, dan sebagainya di negara ini.

Menjawab persoalan mengenai isu kesesakan jalan raya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman pada hari kelima Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Bangunan Dewan MMN di sini, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan, banyak punca terjadinya isu berkenaan dan pembinaan lebih banyak jalan raya tidak akan mengurangkan kesesakan selagi isu-isu berkaitan tidak diambil tindakan.

Sehubungan itu, katanya,

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan adanya Program Traffic Management Scheme (PTMS) akan sentiasa merancang jalan raya-jalan raya baru, di samping kerja-kerja melebar jalan raya, mengadakan jalan susur, membuat pusing keliling, memasang lampu isyarat, memperbaiki jalan raya yang rosak, membina jejantas bagi pejalan kaki, dan lain-lain lagi usaha, dari semasa ke semasa.

"Langkah kita termasuk juga untuk memindah sekolah-sekolah yang di tepi-tepi jalan utama dan menyebabkan kesesakan di jalan berkenaan ke kawasan-kawasan yang bersesuaian bukan sahaja bagi keselesaan dan keselamatan pelajar sekolah, tetapi juga orang ramai," tegasnya.

Sementara itu, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim juga menimbulkan agar pemasangan lampu isyarat di kawasan Pusing Keliling Mentiri, Jalan Sungai Akar dan Jalan Kebangsaan dilaksanakan berikutan dengan pertambahan penduduk di kawasan tersebut, iaitu kira-kira empat (4) ribu buah kediaman dalam Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor (Mengkuabau) akan didiami.

Bagi perkara tersebut, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan bahawa, pemantauan akan dilakukan dan seterusnya akan dikaji melalui *traffic flow* di kawasan tersebut iaitu kajian aliran trafik yang akan membolehkan untuk mengetahui *direction* dan kepadatan trafik, sama ada pemasangan lampu isyarat boleh mengurangkan kesesakan dan jika perlu, akan segera membuka tawaran bagi lampu isyarat dipasang.



Laporan :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hernie Suliana Haji Othman

Selain itu, JKR juga tambahnya, sedang giat mengendalikan projek-projek di bawah RKN Ke-10 yang akan mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan tersebut termasuk projek yang telah siap iaitu melebarkan jalan raya di Jalan Muara Fasa Pertama dan di Jalan Kebangsaan Lama, di samping projek yang sedang dilaksanakan iaitu Jejambat Berakas dan Jejambat Meragang, masing-masing dijangka siap pada bulan Mei dan hujung tahun ini.

"Di masa hadapan kita merancang untuk membina jejambat di Pusing Keliling Sungai Akar. Kita juga merancang bagi pembinaan jejambat di sepanjang Jalan Utama Mentiri disebabkan jangka aliran trafik yang bertambah daripada Perumahan Mengkuabau kepada Junction Jalan Menteri Besar dan Jalan Diplomatic Enclave," jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, sebuah bangunan mahkamah kekal dirancang akan dibina di Daerah

Rancang bina bangunan mahkamah kekal di Daerah Temburong

Temburong.

“Pada peringkat ini sebidang tanah berkeluasan lebih kurang lima ekar di Lot 466 Kampung Gadong Mukim Bangar telah pun diwartakan dan insyaaAllah mungkin akan dipohonkan dalam peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 yang akan datang, insyaaAllah,” ujar Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM ketika menjelaskan mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mewakili Daerah Temburong, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai penempatan sementara mahkamah Daerah Temburong di bangunan Kompleks Bumiputera Pekan Bangar yang didapati kurang sesuai.

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd Zul-Izzi Haji Duraman

“Sebenarnya penempatan pejabat pendaftaran mahkamah-mahkamah Daerah Temburong ini adalah bersifat sementara. Penempatan tersebut adalah untuk memberi ruang kepada kerja-kerja membaik pulih dan mengganti struktur siling dan kerosakan yang teruk dan dikategorikan tidak selamat untuk diguna pakai oleh pegawai dan kakitangan, apatah lagi penduduk-penduduk yang berurusan di Daerah Temburong,” jelas Yang Berhormat semasa mesyuarat bersidang membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan 2015 /

2016 di peringkat jawatankuasa.

Menurut Yang Berhormat lagi, penelitian rapi dan perbincangan telah diadakan antara Pejabat Daerah Temburong, Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan di mana dalam perbincangan tersebut, dua perkara telah dipersetujui iaitu pembaikan dan penaiktarafan yang akan dibuat dalam dua peringkat.

Kerja-kerja peringkat pertama telah pun siap dilaksanakan dalam bulan Disember 2012 Masihi, manakala kerja-kerja peringkat kedua dijangka siap pada akhir bulan Mei 2015 Masihi.



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Beberapa langkah dikenal pasti tingkatkan kedudukan negara



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar berkata, beberapa langkah telah dikenal pasti dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam United Nation (UN) e-Government Survey yang akan datang.

Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM menjelaskan perkara tersebut semasa mengulas soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman tentang kedudukan Negara Brunei yang menurun ke tangga 86

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Hj Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

dalam Laporan UN e-Government Survey 2014.

Pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN 2015 di hari keempat yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah juga menyatakan berbanding pada tahun 2010 Negara Brunei Darussalam menduduki tempat ke-68 dan meningkat ke tempat 54 pada tahun 2012.

Menurut Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM, antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan ialah meningkatkan penggunaan laman web dan perkhidmatan online kerajaan portal one stop rasmi kerajaan, iaitu portal e-Darussalam yang telah pun disusun semula dan direka bentuk yang lebih kepada user friendly dan mengandungi kesemua perkhidmatan kerajaan.

Selain itu tambah Yang Berhormat, template dan garis panduan telah diperkenalkan untuk memastikan consistency laman-laman web yang selaras dengan keperluan UN e-Government Survey dan pada masa ini pihak agensi sedang membantu dan mengemaskinikan peralihan laman web kerajaan.

“Kerajaan juga telah melancarkan portal *Data.gov.bn* pada Disember 2014 Masihi bagi menyokong initiatives of open data di Negara Brunei Darussalam. Dengan ini agensi-agensi kerajaan digalakkan untuk berkongsi maklumat yang tidak sensitif dengan orang ramai dan akan memudahkan agensi-agensi

untuk mengakses data atau maklumat yang diperlukan. Pada masa ini *Data.gov.bn* mengandungi 349 set data yang telah dikongsikan oleh empat (4) agensi kerajaan, iaitu Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Kesihatan.

“Seperti lazimnya, laman web kerajaan yang digunakan sebagai penyalur maklumat kepada orang ramai, pihak kerajaan juga berhasrat untuk menjadikan medium perhubungan ini agar lebih interactive dan dengan itu memudahkan komunikasi dua hala dengan menggunakan discussion forum yang disediakan di portal e-Darussalam serta penggunaan platform media sosial, pihak kerajaan akan boleh meningkatkan perhubungan dan penglibatan orang ramai,” ujar Yang Berhormat lagi.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan walaupun kedudukan negara menurun ke tangga 86 dalam laporan tersebut, negara masih lagi mengekalkan kedudukan tangga Ke-3 di rantau ASEAN.

Penurunan kedudukan pada tahun 2014 menurut Yang Berhormat, adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti jumlah perkhidmatan online yang rendah; kekurangan ciri-ciri asas dan maklumat yang tidak dikemaskinikan dalam laman web kementerian dan jabatan; tiada inisiatif open data dan kekurangan medium electronic bagi perhubungan dan penglibatan orang ramai dengan pihak kerajaan secara keseluruhan.



MAJLIS Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara 2015 dihadiri sama oleh pelbagai peringkat pegawai kerajaan dan juga swasta.

Syarikat IT tempatan diberi peluang melaksanakan program kerajaan

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Pihak e-Government National Centre akan bekerjasama dengan Brunei Solution Development Centre (BSDC) untuk meningkatkan kapasiti pusat tersebut supaya akan dapat melaksanakan lebih banyak lagi projek bagi pihak kerajaan, swasta dan seterusnya ke peringkat antarabangsa pada masa yang akan datang.

Bagi mendukung program-program kerajaan secara keseluruhan, pihak kerajaan akan sentiasa memberi peluang kepada syarikat-syarikat IT tempatan untuk turut terlibat dalam pelaksanaan program-program tersebut.

Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menjelaskan hal tersebut bagi menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang

dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, iaitu sama ada BSDC mampu menangani program-program sektor awam seperti di Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan 2015 / 2016.


Jelas Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM, BSDC merupakan satu pusat yang bertujuan membina aplikasi-aplikasi berkualiti tinggi dan juga meningkatkan kemahiran pembinaan aplikasi bagi warga tempatan melalui capability dan Mentoring Programme Camp and IT Vendor Programme.

“Fasiliti BSDC telah mula beroperasi pada 1 April 2014 Masihi dan pada masa ini, seramai 10 orang peserta telah mengikuti program kem, di mana dua orang telah menamatkan program tersebut dan memperoleh pensijilan Microsoft Certified Solution Developer yang diiktiraf antarabangsa. Seramai lapan orang lagi peserta akan mengikuti program yang sama dan dijangka akan bermula pada Mac 2015 Masihi,” ujar Yang Berhormat.

Program IT Vendor khusus dibukakan pada syarikat-syarikat IT tempatan adalah dalam klasifikasi di ICT Accredited Business (ICTAB) 1 & 2.

Pada masa ini, menurut Yang Berhormat, sebanyak empat buah syarikat sedang mengikuti program tersebut dan berdasarkan kepada kapasiti BSDC di mana ketika ini pusat berkenaan hanya mampu melaksanakan empat projek dan empat penilaian business analysis setahun.

Setiap projek dijangka akan mengambil masa 6 - 9 bulan untuk siap dilaksanakan dan bagi penilaian business analysis pula mengambil masa 6 - 10 minggu.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.



Pengeluaran minyak, gas meningkat menjelang tahun 2035

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Aktiviti-aktiviti pembaikpulihan yang dilakukan secara berperingkat pada aset-aset yang matang yang sudah ada melebihi

daripada 50 tahun merupakan antara faktor penurunan minyak dan gas negara.

Selain itu, penutupan *unschedule* yang tidak dirancang, *unscheduled deferment* yang disebabkan oleh masalah-masalah operasi dan integriti tentang saluran paip dan kerosakan kepada peralatan pengeluaran dan seterusnya juga *natural decline* pada padang minyak yang sedia ada, yang dianggarkan lebih kurang 20 peratus setahun juga menjadi punca terhadap penurunan tersebut.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di peringkat jawatankuasa, di Dewan MMN, di sini.

“Penurunan pengeluaran bukanlah disebabkan oleh tidak menghiraukan keupayaan infrastruktur bahkan infrastruktur dan tenaga-tenaga yang sedia ada, mempunyai kapasiti yang masih mampu menghasilkan pengeluaran yang tinggi. Projek-projek baik pulih seperti yang dinyatakan tadi akan mengambil masa insyaaAllah, sehingga tahun 2018 Masihi,” jelas Yang Berhormat

lagi ketika menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja’afar tentang punca kurangnya pengeluaran minyak dan gas negara ini.

Salah satu sasaran utama dalam Kertas Putih Tenaga, jelas Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin ialah untuk meningkatkan pengeluaran minyak dan gas kepada 650,000 *barrel of oil equivalent per day* pada tahun 2035 Masihi.

Untuk mencapai ke arah itu, ujar Yang Berhormat, Jabatan Tenaga sebagai regulator mengemukakan beberapa usaha yang telah dan akan dilaksanakan iaitu:

1. Meningkatkan aktiviti eksplorasi termasuklah di kawasan darat dan laut dalam;
2. Mempercepatkan proses pembukaan dan penerokaan kawasan-kawasan baharu;
3. Berkongsi antara syarikat-syarikat minyak dan gas di negara ini dengan secara berkolaborasi dan pemikiran yang berinovatif untuk memajukan padang-padang minyak dan gas yang dianggap mencabar dari segi ekonomi; dan
4. Menggalakkan kaedah *secondary* dan *tertiary recovery* dan teknologi terkini bagi meningkatkan pengeluaran pada padang minyak dan gas yang sudah matang.

Pada tahun 2015 Masihi, Jabatan



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Tenaga menyasarkan pengeluaran minyak dan gas dalam negara sebanyak 370,000 *barrel of oil equivalent per day*.

Sasaran itu menurut Yang Berhormat, telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang dilantik sebagai Lembaga Pengarah yang berkeluasan daripada pihak kerajaan terdiri daripada anak-anak tempatan sendiri dan juga pihak Shell yang terdiri daripada anak-anak tempatan yang memegang jawatan-jawatan penting di Shell.

Bekalan elektrik Daerah Temburong diperkukuh

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Janakuasa yang membekalkan kuasa elektrik di Daerah Temburong pada masa ini *diesel generator* dengan berkapasiti dua belas (12) megawatt mempunyai *spare capacity* untuk menampung keperluan daripada pembangunan Program Khidmat Bakti Negara dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di daerah berkenaan.

Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar berkata demikian bagi menjelaskan tentang isu bekalan elektrik di Daerah Temburong yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad semasa mesyuarat jawatankuasa bagi menimbangkan Rang

Undang-Undang (2015) Perbekalan 2015 / 2016.

Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM menjelaskan, bekalan elektrik ke daerah itu juga akan diperkukuh lagi dengan siapnya Projek Jambatan Penghubung Mentiri ke Temburong yang penyaluran bekalannya dibuat melalui pemasangan kabel voltan tinggi.

Dengan adanya talian penghantaran itu, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa Stesen Janakuasa Belingos akan diberhentikan operasinya dan dijadikan sebagai *standby generator* sahaja dan pihak Jabatan Tenaga tidak berminat untuk menambah jentera penjana diesel di daerah berkenaan memandangkan diesel ada isunya dengan pencemaran alam sekitar yang akan timbul.

“Kerja-kerja pembaikan sistem rangkaian pembekalan 11,000 voltan telah dan sedang dilaksanakan bagi menggantikan litar-litar yang sering mengalami kerosakan. Tiga talian telah dapat digantikan dengan yang baharu pada bulan Februari 2015 Masihi dan insyaaAllah, dua lagi akan siap pada bulan Jun 2015 Masihi ini. Langkah-langkah mitigasi ini sudah setentunya akan dapat menangani isu gangguan bekalan elektrik di daerah ini, dan ia insyaaAllah akan diteruskan bagi mempertingkatkan lagi mutu bekalan di daerah ini sebanding dengan daerah-daerah yang lain,” jelas Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai kaunter perkhidmatan tambahan pula, Yang Berhormat berkata, kaunter-kaunter juga akan dibuka di kawasan Kampung Mentiri dan Kampung Lumapas, yang mana akan mula beroperasi pertengahan tahun ini.

Hasrat kurangkan penggunaan elektrik menjelang 2035

Laporan : Hajah Noor Dina Haji Abd. Rahman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhasrat akan dapat mengurangkan penggunaan elektrik sebanyak 63 peratus menjelang tahun 2035 masihi, yang mana ia sudah menjadi komitmen negara di United Nations (UN).

Menteri Tenaga di JPM berkata, demikian semasa menjawab soalan dari Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang terdiri dari Wakil Orang-Orang Bergelar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai perancangan penggantian sumber-sumber alternatif bagi membantu mengurangkan penggunaan minyak dan gas sebagai penaja tenaga elektrik pada Persidangan MMN dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN pada hari keempat yang berlangsung di Bangunan MMN, di sini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub menjelaskan bahawa pencarian sumber penaja tenaga elektrik patut dilakukan atas dasar kepentingan jangka panjang memandangkan sumber minyak dan gas negara adalah terhad, selain dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan bagi menjana tenaga elektrik.

Mengulas lebih lanjut mengenai persoalan tersebut, Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM menjelaskan, mengenai dengan tenaga alternatif yang mana pada tahun 2035, sumber tenaga diperbaharui akan menjadi 10 peratus daripada *energy mix*

negara, akan digunakan dari tenaga yang diperbaharui, iaitu tenaga alternatif.

Selain dari itu, jelas Yang Berhormat, projek-projek yang sedang giat dijalankan pada masa ini ialah projek Waste to Energy (WtE), Projek yang dalam 10 ke 15 megawatt penghasilannya dan juga Projek Solar System yang mana projek-projek ini adalah di bawah perhatian Brunei Economic Development Board (BEDD).

Seterusnya menyentuh mengenai status projek penukaran meter prabayar di kediaman persendirian dan garis masa projek ini dapat diselesaikan, Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM menjelaskan 90 peratus daripada pengguna di sekitar perumahan sudah pun menggunakan meter prabayar dan selebihnya, iaitu sebanyak 3,068 pengguna disasarkan akan ditukarkan pada suku ketiga 2015 Masihi ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM lagi, dari jumlah tersebut seramai 936 pengguna telah merayu untuk tidak ditukarkan ke meter prabayar atas sebab-sebab peribadi.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM menegaskan bahawa pihak jabatan akan sentiasa memantau penggunaannya untuk mengelak daripada berlakunya tunggakan dan pemakaian tenaga elektrik yang tidak terkawal.



ANTARA pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai yang hadir pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN.

Pembangunan sosioekonomi inklusif, sustainable diberi keutamaan



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata kementerian berharap dengan terlaksananya program dan projek-projek yang

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

dirancang akan dapat terus meningkatkan keberkesanan usaha-usaha kerajaan dan mendukung keutamaan belanjawan negara ke arah pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan *sustainable* pada mencapai matlamat yang ditetapkan dalam Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM menjelaskan perkara tersebut semasa menyampaikan mukadimah kementerian dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2015 di hari keempat yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan peruntukan yang disediakan Gaji Kakitangan secara keseluruhannya ialah sebanyak BND58,568,290 manakala, Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak BND565,072,740 ini termasuklah peruntukan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti, Pemeliharaan Aset keseluruhannya sebanyak BND2.7 juta, Pemeliharaan Sistem Komputer sebanyak BND14.76 juta dan di bawah

akaun ini juga merangkumi beberapa peruntukan guna sama bagi membiayai kemudahan dan keperluan tertentu warga Perkhidmatan Awam dan juga inisiatif kerajaan yang berkenaan seperti peruntukan bagi Elaun GO dan FR, Elaun Pelajaran, termasuk bagi Skim Pendidikan *Tertiary* di institusi-institusi pengajian swasta dalam negeri, Skim Tabungan Perumahan TAP, Persidangan dan Jawatankuasa dan juga sewa rumah yang berjumlah sebanyak BND130 juta.

Perbelanjaan Khas menurut Yang Berhormat, disediakan sebanyak BND600,271,480 bagi melaksanakan sembilan (9) projek pemulihan baharu yang berjumlah BND49.7 juta termasuk lima (5) projek dengan harga rancangan sebanyak BND227.1 juta.

“Antara projek utama ialah MOF Network Infrastructure Service 3 dan harga rancangan BND2.5 juta dan membekal sijil berteknologi GPS dengan harga rancangan BND400,000, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, 41 projek pengambilan semula berjumlah BND550.6 juta termasuk 14 projek dengan harga rancangan sebanyak BND1.157 juta

ini termasuk pembelian bot peronda Jabatan Kastam dan Eksais, projek Rangkaian Nasional Digital Communication System, menangani bencana alam dan wabak penyakit berjangkit sejumlah BND10 juta dan projek pembaikan Brunei House sejumlah BND3 juta dengan harga rancangan BND13 juta,” tambah Yang Berhormat lagi.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan, peruntukan sejumlah BND300 juta juga disediakan sebagai kesinambungan pada peruntukan sebanyak BND400 juta yang diluluskan bagi Tahun Kewangan 2014 / 2015 bagi membiayai pelaksanaan Projek Pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Temburong dan Daerah Brunei dan Muara.

Akaun fokus perbelanjaan tambah Yang Berhormat, disediakan sebanyak BND187.3 juta antaranya mendatangkan tenaga pakar dalam pengajar mahir untuk *literacy* English language pada Numeracy Mathematic sejumlah BND30 juta dengan harga rancangan BND220 juta, pemeliharaan dan menaik taraf infrastruktur tapak-tapak industri dengan peruntukan sejumlah BND2.5 juta, melaksanakan projek bagi meningkatkan keberkesanan dan pengurusan keselamatan awam, iaitu projek penyelarasan sistem



pengesanan data DNA kebangsaan keseluruhannya berjumlah BND15 juta.

Peruntukan sejumlah BND1.5 juta bagi kementerian dan jabatan yang berkenaan, jelas Yang Berhormat adalah untuk melaksanakan program atau projek pembangunan kemajuan PKS yang bersesuaian.

“Projek fokus disediakan sebanyak BND17 juta khusus bagi membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus belanjawan negara. Ini termasuk memperkasa pendidikan dan latihan, perkembangan sumber tenaga manusia, peningkatan kapasiti, merangsang kegiatan pelaburan, perkembangan sektor swasta, meningkatkan produktiviti, meningkatkan kesejahteraan awam dan pertahanan keselamatan,” ujar Yang Berhormat lagi.

Kongsi maklumat permohonan kerja melalui PSC Recruitment

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Permohonan kerja melalui sistem *online recruitment* ataupun PSC Recruitment merupakan satu lagi isu yang menarik perhatian semasa berlangsungnya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di peringkat jawatankuasa, di Dewan MMN, di sini.

Perkara berhubung kait dengan sistem baru itu telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli MMN yang dilantik mewakili daerah masing-masing, iaitu Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Antara persoalan yang disentuh ialah mengenai penyediaan maklumat dan garis panduan bagi tatacara membuat permohonan melalui sistem itu.

Pada menjawab pertanyaan itu, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan bahawa, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah menyediakan manual tatacara membuat permohonan dan maklumat itu telah pun disediakan dan dipaparkan dalam portal PSA Recruitment berkenaan.

Di samping itu, kata Yang Berhormat lagi, Pejabat SPA dengan kerjasama *vendor system* berkenaan sedang menyediakan tayangan video tatacara membuat permohonan menggunakan sistem tersebut dan boleh diakses dan diikuti melalui portal berkenaan.

“Pejabat SPA telah mengongsikan maklumat tatacara dan garis panduan

bagi membuat permohonan dan disiarkan melalui media massa seperti siaran radio dan televisyen dan melalui akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei dan akhbar-akhbar tempatan serta laman sesawang SPA,” ujar Yang Berhormat.

Mengenai tempoh Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) bagi SPA memproses permohonan jawatan kosong dengan menggunakan sistem *online recruitment*, Yang Berhormat menjelaskan bahawa jadual ujian dan temu duga melalui portal pengambilan dengan penggunaan sistem PSA Recruitment ini, Pejabat SPA akan dapat memproses permohonan pengisian jawatan mengikut tempoh TPOR antara enam (6) minggu hingga 13 minggu, berbanding dengan tempoh TPOR yang lama yang memakan masa antara 10 hingga 24 minggu.

Tempoh TPOR ini jelas Yang Berhormat lagi, adalah tertakluk kepada jumlah kekosongan jawatan dan jumlah calon yang ditemu duga, contohnya bagi satu kekosongan, temu duga dibuat dalam seminggu, manakala bagi 100 kekosongan, temu duga dijalankan dalam tempoh masa enam (6) minggu.

Sistem ini diaktifkan dan digunakan pada 28 Februari 2015 Masihi yang lepas dan pengiklanan jawatan-jawatan kosong melalui sistem ini telah dikeluarkan pada 4 Mac 2015 Masihi.

Mengenai status laporan pencari pekerjaan setakat bulan Disember 2014 Masihi pula, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman amat menghargai kerjasama yang diberikan oleh pihak penghulu dan



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

ketua kampung dalam memberikan maklumat-maklumat pendaftaran pencari kerja bagi kawasan masing-masing.

Maklumat tersebut jelas Yang Berhormat, amat berguna kepada JPKE dalam menyediakan perangkaan pencari-pencari kerja di seluruh negara dan dengan maklumat itu juga pihak JPKE telah dapat menyediakan perangkaan pencari kerja yang lebih komprehensif yang mana telah disiarkan bagi maklumat orang ramai pada setiap bulan melalui media dan akhbar.

Yang Berhormat berharap kerjasama sedemikian dapat diteruskan oleh semua penghulu dan ketua kampung dalam merangsang dan menggalakkan lagi pencari kerja untuk berusaha mencari peluang-pekerjaan termasuk di sektor swasta tanpa banyak bergantung pada sektor kerajaan.

Kaji peluang kurangkan pembakaran

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar berkata, Syarikat BLNG akan terus mengkaji peluang untuk mengurangkan flaring (pembakaran) selaras dengan komitmennya untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Selain itu, Syarikat BSP ujar Yang Berhormat juga terus berusaha untuk menyediakan dan mempertingkatkan lagi kestabilan New Gas Compression Plan untuk mengelakkan *compressor trip*.

Perkara itu dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi menjawab pertanyaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang dilantik mewakili Daerah Belait (Zon 1), Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad yang menyentuh tentang langkah-langkah yang harus dilakukan bagi melindungi kesihatan dan kesejahteraan awam penduduk yang tinggal berdekatan loji-loji penapisan minyak.

Selain itu, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee juga membangkitkan isu berhubung ketetapan KPI bagi BLNG dan Oil Refinery Syarikat BSP yang boleh memastikan asap hitam yang dimuntahkan oleh kedua-dua menara api tidak akan menjejaskan kesihatan penduduk yang tinggal berdekatan.

Bagi menjawab isu tersebut, Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM berkata bahawa, pada tahun 2015 Masihi ini, KPI telah ditetapkan pada 0.8 dan pada tahun 2014 Masihi tidak dapat dielakkan dan masih terjejas dan KPInya berada di 0.44 yang bererti kualiti *flaring*.

Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM memaklumkan bahawa pihak Syarikat BLNG sedang giat melaksanakan projek *rejuvenation* untuk meningkatkan *plan reliability* bagi mengurangkan *plan trip yang menyebabkan flaring* terpaksa dijatuhkan.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM juga memaklumkan bahawa loji penapisan minyak di Seria juga akan dihentikan setelah siap terbinanya loji penapisan minyak yang baru bertempat di Pulau Muara Besar yang berpanduan reka bentuk dan *design* lebih efisien serta mengambil kira penjagaan alam sekitar.

YANG Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee juga membangkitkan isu berhubung ketetapan KPI bagi BLNG dan Oil Refinery Syarikat BSP yang boleh memastikan asap hitam yang dimuntahkan oleh kedua-dua menara api tidak akan menjejaskan kesihatan penduduk yang tinggal berdekatan.



Sijil pengesahan kelulusan institusi-institusi tinggi belum diiktiraf

Laporan : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan perkara tersebut semasa mengulas soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN 2015 pada hari keempat yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah telah membangkitkan isu tentang permohonan penuntut-penuntut yang lulus ijazah dan diploma dari Institut Teknologi

Brunei yang diberikan surat pengesahan tamat kursus dan



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

keputusan-keputusan peperiksaan tapi tidak diterima oleh Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) kerana tidak mempunyai sijil.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM terdahulu berkata, dalam memproses permohonan jawatan kosong SPA pada masa ini memanglah hanya menerima dan memperakui permohonan daripada pemohon-pemohon yang mempunyai sijil kelulusan sebagai dokumen yang sah.

"Mengenai surat pengesahan yang dikeluarkan oleh pihak institusi pengajian tinggi, ia masih tertakluk kepada perkara-perkara yang ditetapkan oleh pihak institusi pengajian tinggi berkenaan," jelas Yang Berhormat lagi.

Sijil kelulusan yang dikeluarkan berkenaan tambah Yang Berhormat, adalah sebagai dokumen yang



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

sah, iaitu sebagai bukti pemohon berkenaan mempunyai syarat kelulusan akademik yang diperlukan.

High flyer berpotensi pegang jawatan lebih tinggi

Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan, Kenaikan Pangkat Laluan Laju (KPLL) merupakan satu kaedah bagi membolehkan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam dalam Bahagian II dan ke atas yang dikategorikan sebagai *high flyer* yang berpotensi untuk memegang jawatan yang lebih tinggi secara lebih cepat dari tempoh biasa dalam peraturan biasa.

KPLL diasaskan pada memenuhi beberapa kriteria khas yang menunjukkan antara lain pegawai berkenaan telah cukup terdedah kepada pengalaman yang diperlukan yang mempunyai dan menunjukkan kapasiti untuk membuat keputusan yang berwibawa, mempunyai dan menunjukkan kebolehan dan kompetensi yang berkaitan yang diperlukan oleh tugas dan mendapat pengiktirafan mengenai kejayaan dalam kerjanya.

"Sememangnya mengikut kaedah KPLL ini, seorang pegawai yang memangku jawatan dan terbukti memenuhi kriteria-kriteria kaedah ini, boleh dinaikkan pangkat dengan menetapkan dalam jawatan yang dipangkunya sungguhpun tempoh ia memangku kurang dari tempoh biasa. Oleh sebab kaedah ini baru diperkenalkan pada bulan Ogos 2012 Masihi permasalahannya untuk berkesan memerlukan sedikit masa waktu dan pemantauan yang rapi," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah setakat ini terdapat kumpulan pegawai yang dikenal pasti menunjukkan potensi sebagai *high flyer* untuk didedahkan pada program kemajuan di bawah kaedah ini.

Yang Berhormat menambah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan memastikan perjalanan program kemajuan tersebut berjalan seperti yang dihasratkan untuk mencapai sasaran kaedah ini.

Semasa menjawab isu-isu yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai KPLL dan rancangan penggantian pengambilan semula setelah bersara pada hari Keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN.

Mengenai rancangan penggantian, Yang Berhormat menjelaskan bahawa sememangnya rancangan penggantian yang bertujuan untuk menyediakan pegawai-pegawai pelapis yang kompeten untuk menjawat jawatan penting dalam Perkhidmatan Awam adalah menjadi tanggungjawab JPA.

"Tanggungjawab ini untuk memastikan setiap kementerian mempunyai perancangan penggantian mereka masing-masing. Ke arah itu, JPA telah pun mengeluarkan buku garis panduan dan mengadakan jerayawara mengenai rancangan penggantian," ungkap Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah JPA giat mengadakan bengkel rancangan penggantian untuk pegawai-pegawai dari setiap kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sumber tenaga manusia termasuk rancangan penggantian.

"JPA secara berterusan insyaaAllah akan memantau kemajuan setiap kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam menyediakan rancangan berkenaan dan perjalanannya untuk menepati sasaran," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakan, pengambilan semula setelah bersara, mengikut kriteria-kriteria tertentu antaranya keperluan bidang yang belum dapat dipenuhi sepenuhnya pada misalannya memandangkan bilangan terhad guru-guru dalam mata pelajaran Inggeris, latihan jasmani, lukisan dan tukang kayu yang sebahagian daripada guru-guru ini telah bersara dan diambil semula berasaskan kemahuan mereka dan prestasi yang melayakkan mereka.

"Ini adalah semata-mata untuk tidak menjejaskan pembelajaran akibat tidak mempunyai guru. Kriteria seterusnya ialah untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan pakar ataupun pengurusan yang diperlukan oleh sesebuah organisasi untuk kemantapan perjalanannya sementara untuk mendapatkan calon penggantian," jelas Yang Berhormat. "Dalam mempertimbangkan pengambilan semula pegawai selepas bersara JPA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) membuat penelitian mengikut sokongan berkenaan antara lainnya untuk memastikan soalan-soalan yang sebenar tidak terdapat pegawai-pegawai yang sudah layak

untuk diberikan tanggungjawab dan menentukan tempoh bersesuaian untuk tidak menjejaskan kenaikan pangkat pegawai yang sudah layak," terang Yang Berhormat.

JPA dan SPA, tambah Yang Berhormat, mengasaskan pertimbangan mereka kepada kedudukan rancangan penggantian yang dihadapi oleh pihak yang membuat sokongan.

Pada mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Kewangan II juga menjawab isu yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai isu pencen bulanan dan elaun sara hidup.

Yang Berhormat menjelaskan memang sebelum ini terdapat beberapa jawatan dalam perkhidmatan kerajaan bukan jawatan berpenyen. Ia berdasarkan peraturan-peraturan yang berjalan pada ketika itu, sama seperti kebanyakan mereka bekerja di sektor swasta yang tidak dihulurkan sebarang manfaat pencen.

Antara lantikan dalam Perkhidmatan Awam yang bukan jawatan berpenyen, kata Yang Berhormat termasuklah pegawai kakitangan wanita yang berkahwin yang akan ditukar jawatan mereka dari jawatan tetap kepada *month to month* apabila mereka berkahwin, jawatan bergaji hari dan jawatan *open vote*.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat mereka itu ada dihulurkan faedah persaraan dalam bentuk bayaran baksis atau bagi pegawai perempuan yang berkahwin akan dihulurkan bayaran baksis apabila lantikan mereka ditukar dari jawatan tetap, iaitu mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.



YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

daripada faedah yang ditetapkan untuk mereka terima selain dari gaji pokok bulanan menurut peraturan yang berjalan pada masa ini, dan setentunya adalah tidak sesuai untuk membezakan pembayaran dan kemudahan yang dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang menjalankan tugas dan tanggungjawab yang sama, hanya disebabkan mereka telah berpenyen.

Mengenai cadangan Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, untuk memberikan keutamaan kepada penduduk Daerah Temburong untuk mengisikan jawatan guna sama yang kosong di daerah tersebut, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) menyatakan, sebarang jawatan kosong untuk diisikan akan diiklankan mengikut peraturan-peraturan tertentu.

"Pemohon-pemohon yang memenuhi syarat kelayakan tidak kira daerah mana mereka bermastautin, boleh menghadapkan permohonan mereka," ungkap Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, salah satu syarat setiap permohonan mendapatkan perkerjaan, setiap pemohon membuat pengakuan untuk bersedia ditempatkan di mana-mana daerah yang memerlukannya. Ini untuk memastikan peluang terbuka luas kepada pemohon di semua daerah, asalkan ia layak.

"Berdasarkan Peraturan Am ini, dari segi penempatan pekerja JPA bertanggungjawab untuk menilai kedudukan pemohon yang berjaya yang tertakluk kepada bilangan jawatan di daerah tertentu dalam mengutamakan penempatan pemohon di mana ia bermastautin selagi tidak menjejaskan kepentingan pemohon-pemohon lain," jelas Yang Berhormat.

KPSSU giat bentuk Badan Khas bantu usahawan

Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) sedang giat dalam pembentukan satu badan khas bagi membantu usahawan tempatan termasuk melibatkan sama *stakeholders* yang berkepentingan termasuk agensi kerajaan, agensi

bukan kerajaan dan syarikat-syarikat milik kerajaan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan badan pengusaha mikro, kecil

Memperkasa tulisan Jawi



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah banyak berusaha bagi kefahaman dan kebolehan menulis Jawi.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menambah melalui pendidikan khususnya dalam kurikulum di sekolah-sekolah, tulisan Jawi diajarkan bermula dari peringkat sekolah rendah.

Yang Berhormat menyatakan demikian ketika menjawab cadangan mengenai tulisan Jawi yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN.

Menteri Kewangan II (Kedua)



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

Foto :

Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

menambah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) secara berterusan juga ada menyediakan langkah-langkah bagi menggalakkan penggunaan tulisan Jawi yang bersesuaian di semua peringkat masyarakat termasuk melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Sementara itu, kata Yang Berhormat, Jabatan Penerangan mempunyai satu ruang khas dalam akhbar Pelita Brunei yang memuatkan rencana dalam tulisan Jawi.

“Dari aspek Perkhidmatan Awam, tulisan Jawi digunakan dalam *letter head* dan persuratan rasmi tertentu kerajaan, DBP juga menganjurkan Bengkel Seni Khat Jawi bagi pegawai-pegawai kerajaan,” jelas Yang Berhormat.

“Setentunya usaha-usaha akan terus dilaksanakan di pihak kerajaan untuk memperkasa tulisan-tulisan Jawi dan mengenai penggunaan tulisan Jawi secara menyeluruh setiap persuratan rasmi cadangan tersebut, insyaaAllah akan diteliti kesesuaiannya dari segi *practicality* dan sebagainya,” ungkap Yang Berhormat.

DEWAN Bahasa dan Pustaka (DBP) secara berterusan juga ada menyediakan langkah-langkah bagi menggalakkan penggunaan tulisan Jawi yang bersesuaian di semua peringkat masyarakat termasuk melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

dan sederhana (PMKS) yang akan dibentuk itu difikirkan dalam corak beberapa aspek meliputi penyelarasan dengan agensi-agensi berkepentingan dalam pembangunan PMKS; menyesuaikan keseragaman peranan, fungsi dan tanggungjawab badan ini; struktur dan sumber-sumber yang diperlukan sebagai jentera pentadbiran badan dan penyelarasan program-program pembangunan PMKS.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyatakan demikian semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin berkaitan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baharu Masihi 2015 mengenai badan khas yang berperanan membina kapasiti PMKS dan soalan Yang Berhormat ajukan pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN tahun lalu mengenai isu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Negara Brunei Darussalam.

“Pada masa ini satu draf perundangan bagi penubuhannya sedang disediakan melalui perundangan tersebut. Badan khas ini akan diberi kuasa-kuasa tertentu dari segi undang-undang, kewangan dan pengambilan kakitangan sendiri,” jelas Yang Berhormat Pehin pada hari keempat Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber



Utama menyatakan, perintah penubuhan Badan Kebangsaan akan memberikan kuasa kepada badan khas tersebut untuk melantik Ketua Pegawai Eksekutif dan juga pegawai-pegawai kakitangan yang berkelayakan, berpengalaman, berkeupayaan dalam perkara-perkara yang berkaitan langsung dengan pembangunan PMKS.

“Perintah penubuhan Badan Kebangsaan juga memberikan kuasa kepada badan khas ini untuk membuat usaha sama ataupun perjanjian dengan institusi dan organisasi sama ada tempatan ataupun antarabangsa bagi maksud menggalakkan, memudahkan dan membangunkan PMKS di negara ini,” ungkap Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Tingkatkan langkah kawalan proses percetakan mushaf

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Daerah Brunei Muara (Zon 2) iaitu Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim.

“Dalam hal ini, terdapat beberapa proses bagi pengawalan kualiti percetakan mushaf termasuklah penyemakan sebelum dan selepas percetakan. Pemeriksaan di bahagian penjilidan dan akhir sekali pemeriksaan sebelum proses pembungkusan. Walau bagaimanapun, masih terdapat mushaf yang terlepas pandang setelah melalui proses yang tersebut. Ini juga termasuk kemungkinan mushaf yang ditolak termasuk bersama ke dalam kotak naskah-naskah yang telah disahkan,” jelas Yang Berhormat.

Bagi menghalang kejadian yang sama berulang kembali, Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM menjelaskan bahawa, Jabatan Percetakan Kerajaan akan meningkatkan lagi langkah-langkah kawalan dalam setiap proses percetakan mushaf berkenaan dari peringkat awal hinggalah selesai.

Selain itu, jelas Yang Berhormat lagi, Jabatan Percetakan Kerajaan sedang berusaha memperolehi mesin berteknologi tinggi untuk mengimbas muka-muka surat yang sudah dicetak bagi memeriksa muka surat yang kosong.

Tentang surat keliling berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Percetakan, iaitu Surat Keliling Bil. 14 / 1976 pula Yang Berhormat memaklumkan bahawa surat keliling itu masih lagi berkuat kuasa dan JPM

melalui Jabatan Percetakan sedang meneliti kesesuaian surat keliling tersebut dengan mengambil kira surat keliling berkenaan yang bukan saja melibatkan isu-isu percetakan tetapi juga perolehan atau *procurement* alat tulis.

“Saranan Ahli Yang Berhormat akan keperluan percetakan kesemua kementerian dan jabatan di *centralized* di Jabatan Percetakan bagi tujuan penjimatan adalah diambil maklum. Walau bagaimanapun tidaklah dapat dinafikan kos percetakan adalah lebih kurang sama jika dibuat di Jabatan Percetakan Kerajaan dengan syarikat-syarikat percetakan komersial. Tambahan lagi praktis yang ada pada masa ini melibatkan jabatan-jabatan yang memohon percetakan, di Jabatan Percetakan Kerajaan juga perlu membayar kos masing-masing pada kadar yang tertentu,” kata Yang Berhormat.

Pada masa yang sama, kata Yang Berhormat lagi, Jabatan Percetakan Kerajaan juga membuat percetakan secara prioriti khususnya dengan acara-acara di peringkat negara berbanding dengan percetakan di peringkat jabatan atau pun yang bukan sifatnya memerlukan pencetakan segera.

Kesemua keperluan kerajaan akan memberi tekanan kepada kapasiti jabatan yang akan memerlukan tambahan kakitangan yang terlatih dan juga tambahan kos untuk menampung kesemua cetakan yang dimaksudkan.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim.

Kementerian Kewangan rangsang kegiatan pelaburan



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Kementerian Kewangan akan meneruskan tumpuan pada aktiviti yang akan dapat mendukung dasar belanjawan dan fokus keutamaan Belanjawan Negara, iaitu 'Memperkasa Pendidikan dan Latihan Meningkatkan Produktiviti Bagi Perkhidmatan-Perkhidmatan' di bawah kementerian tersebut.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa menyampaikan mukadimah kementerannya dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2015 pada hari keempat yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Tambah Yang Berhormat, kementerian tersebut juga merangsang kegiatan pelaburan bagi mendukung dasar mempelbagaikan ekonomi negara serta menyediakan iklim pelaburan yang kondusif bagi mendukung perkembangan sektor swasta dan meningkatkan kesejahteraan awam khusus berkaitan dengan aspek keselamatan negara.

"Selaras dengan keutamaan tersebut, perancangan dan pelan tindakan Kementerian Kewangan akan menjurus kepada usaha-usaha dan langkah-langkah pertama dalam usaha-usaha memperkukuhkan pengurusan kewangan di semua peringkat perkhidmatan awam dengan memberikan penekanan kepada peningkatan disiplin dan akauntabiliti pengurusan kewangan kepada pegawai-pegawai pengawal. Langkah-langkah akan diambil dalam memastikan perbelanjaan

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

yang dilaksanakan akan dapat mendukung keberkesanan Perkhidmatan Awam serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara secara inklusif dan *sustainable*. Dalam hal ini, pelaksanaan projek program dan *performance budgeting* di setiap peringkat kementerian dan jabatan akan dipergiatkan dan diperkukuhkan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, inisiatif berterusan juga dilaksanakan bagi meningkatkan tahap produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai.

Antaranya jelas Yang Berhormat, ialah meningkatkan keupayaan sistem *e-payment gateway* bagi membolehkan orang ramai membuat pembayaran perkhidmatan kerajaan dan penyediaan *bill presentation* dan penyatuan bil secara *online* dan memperluaskan perkhidmatan tersebut kepada agensi-agensi kerajaan lain bagi menawarkan kemudahan bagi meningkatkan akauntabiliti dan efisiensi dalam merekodkan kutipan-kutipan hasil kerajaan, sekali gus proses mengemaskinikan ke atas akaun agensi itu sendiri.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, mengintegrasikan keupayaan System For Tax Administration, and Revenue Services (STAR) bagi memudahkan pembayaran cukai pendapatan dibuat melalui sistem *online* melalui sistem *e-payment gateway*, di samping memperluaskan lagi

pengurusan sistem *e-custom* agar lebih banyak proses pemberian kebenaran bagi permohonan import dan eksport barangan di bawah agensi-agensi kerajaan lain diintegrasikan dan dibuat secara *online* di bawah inisiatif Brunei Darussalam National Single Window bagi memudahkan perdagangan.

"Berterusan mengambil langkah bagi mudah cara dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan pelaburan *ease of doing business* termasuk inisiatif menarik pelaburan langsung asing yang akan turut menyumbang pada meluaskan asas sumber hasil pendapatan negara. Ini antara lain meneruskan inisiatif untuk memudahkan dan *simplify* pengurusan cukai, di samping menguruskan kos-kos perniagaan di negara ini, seperti meneliti kadar cukai korporat yang bersesuaian, peruntukan di bawah *capital allowance* bagi tujuan menggalakkan pelaburan jangka masa panjang, meneliti peruntukan-peruntukan di bawah bidang tugas pendaftar syarikat-syarikat dan nama-nama perniagaan dan lain-lain," ujar Yang Berhormat.

Melalui pengurusan sumber manusia jelas Yang Berhormat, kementerian berkenaan menyediakan latihan-latihan dalaman yang bersesuaian bagi mempertingkatkan keupayaan dan kemahiran sumber tenaga manusia melalui pelaksanaan secara berperancangan, program-program pembangunan sumber manusia seperti *leadership programme*, *customer service*



delivery, *performance enhancement programme* dan sebagainya.

Seterusnya, Yang Berhormat menjelaskan, meningkatkan lagi keupayaan pengawalan keselamatan negara di pos-pos kawalan kastam termasuk melaksanakan projek-projek berteraskan teknologi bagi meningkatkan pengesanan (*detection*) barang-barang kawalan dan tegahan kastam tanpa menjejaskan keperluan mudah cara perdagangan dan meningkatkan pemantauan aktiviti-aktiviti penyeludupan barang-barang tegahan di perairan negara ini, antaranya melalui penyediaan peralatan-peralatan dan kelengkapan yang perlu.

Kementerian berkenaan juga ujar Yang Berhormat, akan meneruskan usaha dalam memastikan jaminan bekalan makanan *food security* yang antara lainnya melalui mempelbagaikan sumber *input* makanan asasi dan menyediakan gudang penyimpanan makanan alternatif sebagai langkah keselamatan bagi menjamin perbekalan makanan asasi yang berterusan dan selamat.

Galakkan konsep bijak berbelanja

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Pengguna disaran supaya bijak berbelanja dalam pembelian seharian dan menggunakan saluran maklumat yang telah disediakan dalam media-media seperti surat khabar dan sosial.

Saranan dibuat oleh Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika menjawab isu yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang dilantik berhubung kawalan harga di negara ini.

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) ujar Yang Berhormat, menggalakkan konsep penggunaan bijak kepada pengguna-pengguna di negara ini seperti membuat perbandingan harga sebelum membuat pembelian dan mana-mana, misalannya ada aduan-aduan daripada orang ramai adalah dialu-alukan oleh JPKE supaya mereka dapat menjalankan lagi tugas dengan berkesan.

Beberapa Ahli MMN yang dilantik telah mengemukakan isu-isu berhubung kait dengan kawalan harga semasa Persidangan MMN di peringkat jawatankuasa, di Dewan MMN iaitu Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin dan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM berkata, jika para peniaga

mengenakan *surcharge*, *service charge* tanpa pengetahuan pelanggan-pelanggan, maka peniaga-peniaga berkenaan boleh dikaitkan sebagai melakukan amalan tidak saksama (*unfair practices*) di bawah 'Bab 4, Perintah Perlindungan Pengguna Perdagangan Adil 2011'.

"Disebabkan Perintah Perlindungan Pengguna Perdagangan Adil adalah di bawah undang-undang sivil, pihak JPKE hanya akan membuat tindakan sekiranya ada orang awam yang membuat aduan rasmi kepada JPKE mengikut prosedur yang disediakan, di mana isu *service charges* ataupun *surcharge* adalah sebenarnya di luar bidang kuasa JPKE," jelas Yang Berhormat.

Namun, Yang Berhormat seterusnya berkata, pihak JPKE sedang berusaha untuk bekerjasama dan agensi-agensi yang berkenaan sebagaimana juga susulan dari MMN pada tahun lepas, pihak JPKE telah membuat pemantauan dan pemeriksaan terhadap premis syarikat-syarikat yang menjual produk telefon bimbit, komputer dan elektronik bagi melihat sama ada syarikat-syarikat masih mengenakan *service charge* atau *surcharge* ketika membuat pembelian penggunaan kad debit ataupun kad kredit.

Daripada pemantauan tersebut, didapati ada beberapa syarikat yang mematuhi dan tidak lagi mempamerkan perbezaan harga jika membayar dengan kad debit ataupun kredit dan wang tunai.

Namun, ujar Yang Berhormat lagi, ada juga segelintir syarikat-syarikat yang masih mengamalkan amalan



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

yang tidak adil ini, malahan memutarbelitkan situasi dan mengelirukan pengguna dengan mempamerkan dua tanda harga secara tidak langsung, iaitu harga asal (*normal price*) adalah harga penggunaan kad debit / kredit dan harga diskaun adalah harga menggunakan wang tunai.

"Dalam peraturan-peraturan kawalan harga jualan murah 2012 Masihi, jika syarikat-syarikat mempamerkan dua tanda harga atau perbandingan harga atau diskaun tanpa mendapat kebenaran dari JPKE, maka ia adalah satu kesalahan bagi peniaga-peniaga tersebut," terang Yang Berhormat.

Dengan itu, ujar Yang Berhormat, pihak penguat kuasa JPKE telah mengeluarkan beberapa notis amaran dan tawaran untuk mengkompaun kepada syarikat-syarikat yang mengadakan harga jualan murah tanpa ada kebenaran.

Mengenai keramaian pegawai dan penguat kuasa JPKE telah mengawal dan memantau harga-

harga kedai secara mengejut atau berkala, Yang Berhormat menjawab setakat ini ada seramai 16 orang dan jumlah tersebut difikirkan memadai untuk memantau harga kawalan.

Tentang usaha JPKE untuk membantu orang ramai dalam situasi harga barangan meningkat, Yang Berhormat menjelaskan bahawa seperti yang kita sedia maklum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan beberapa pindaan Akta Kawalan Harga Penggal 142 yang telah dikuatkuasakan mulai 26 Disember 2012 Masihi.

"Pihak kerajaan melalui JPKE telah dimandatkan untuk memantau dan mengawal harga beberapa jenis barangan keperluan yang senarainya termasuklah kenderaan motor penumpang, susu tepung anak damit, rokok dan tembakau, minyak masak, tepung biasa, susu pekat dan cair,



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

motor gasoline, *dual-purpose kerosene*, *automatic gas oil*, *motor liquified petrol gas of - LPG*, bahan binaan seperti bata, tetulang, pasir, batu, simen, batumen aspal, konkrit, siap campur dan bata, tanah liat dan konkrit, gula dan beras," jelas Yang Berhormat.

Senarai kategori 15 barang-barang makanan yang dikawal harga maksimum sempena musim perayaan ini adalah spesifik dalam musim perayaan termasuklah daging ayam, telur ayam, daging, mentega, marjerin, minyak sapi, susu pekat, susu cair, tepung, kacang jagus, coklat, serbuk santan, cecair santan, serbuk cili, udang kering, kulit popia.

Di samping itu, JPKE juga telah mengumpul maklumat mengenai beberapa harga barangan asas dan perkara ini disebarluaskan melalui media-media tempatan termasuk akhbar Pelita Brunei, Facebook dan beberapa laman web.

Usaha ini jelas Yang Berhormat, bertujuan memastikan harga barangan asas dijual pada harga yang berpatutan, memastikan sebarang kenaikan harga barangan asas diselaraskan berdasarkan pasaran global, memberi panduan kepada orang ramai terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah dalam membeli barangan asas dengan harga yang berpatutan dan memberi rangsangan kepada peniaga-peniaga untuk menjadi lebih *competitive*.

Barangan yang dikawal harga kata Yang Berhormat lagi, adalah ditambah dari semasa ke semasa tertakluk kepada keperluan, jadi pihak JPKE peka untuk mengambil inisiatif jika perlu. Sebelum ini penempatan harga hanyalah empat kategori, tetapi telah ditambah kepada 22 *items*.

Tidak jaga kebersihan diambil tindakan undang-undang



Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji
Tengah, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan, langkah undang-undang akan diambil jika premis-premis perniagaan tidak mengutamakan kebersihan.

Premis perniagaan itu juga akan dikompau dan akan didedahkan kepada *public* supaya mereka akan merasa malu apabila perkara tersebut ada di dalam berita mahupun surat khabar, jelas Yang Berhormat.

"Sesungguhnya menjaga kebersihan ini, insyaaAllah perlahan-lahan dengan usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak, insyaaAllah kitani akan melihat bandar kitani memang bersih, orang luar yang datang ke mari mendapati bandar kita bersih. Tetapi kitani yang hari-hari di sini mengetahui keadaan sebenarnya dan mahu lebih bersih lagi. Mudah-

mudahan apa yang diharapkan sedemikian itu dapat dilaksanakan, tegas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan demikian ketika menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumaat bin Akim mengenai pemilik bangunan dan premis perniagaan di bawah kawalan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan yang tidak mengikut arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Bandaran khususnya dalam menanamkan rasa tanggungjawab kepada masyarakat bagi menjaga alam sekitar yang bersih dan selesa pada persidangan hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di sini.

Menurut Yang Berhormat Awang Haji Jumaat, keceriaan dan kebersihan merupakan perkara yang sangat penting diberikan perhatian kerana suasana dan keindahan landskap dan *infrastructure* yang teratur dan terancang menjadi keutamaan negara. Manakala bangunan-bangunan yang cantik dan reka



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan, langkah undang-undang akan diambil jika premis-premis perniagaan tidak mengutamakan kebersihan.

bentuk yang sangat menarik menjadi perhatian pengunjung yang berkunjung ke negara ini.

Menyentuh mengenai Dewan Serbaguna di Mukim Lumapas yang dipersoalkan Yang Berhormat Awang Haji Jumaat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan bahawa walaupun sudah ada tapak-tapak yang diluluskan tetapi tidak ada yang dibangunkan, adalah disebabkan penilaian semula mengenai

rancangan pembinaan dewan serba guna ini termasuklah Mukim Lumapas.

Walaupun bagaimanapun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyediakan beberapa buah dewan serba guna di beberapa buah mukim di negara ini. Perkara ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan oleh masyarakat setempat di kawasan berkenaan, jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Jumaat bin Akim.

Permohonan kerakyatan perlu ikut garis panduan, undang-undang



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Salah satu syarat untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah lulus dalam bahasa Melayu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berkata demikian semasa menjawab pertanyaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai berapa lama pemegang kad

pengenalan warna ungu untuk layak memegang kad kuning pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas bagi MMN di Dewan Bangunan MMN, petang tadi, di sini.

Menurut Yang Berhormat, tempoh itu memanglah ditentukan mengikut garis panduan dan undang-undang yang ada.

"Kenyataan ini sudah yang ketiga menyebut, lulus bahasa Melayu ini sudah menunggu apa hasilnya dan mereka menyangkakan mereka akan mendapat kerakyatan setelah lulus bahasa Melayu. Jangan ada tanggapan dalam dewan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mengambil kira kesulitan mereka menunggu sedemikian lama," jelasnya.

Menurut Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dalam tempoh 2011 sehingga 1 Mac 2015, orang-orang yang lulus ujian di bawah Bab 51 dan 81 Ujian Lisan yang memegang kad pengenalan ungu (penduduk tetap) sama ada ia penduduk tetap (*Brunei stateless*) untuk menjadi rakyat.

Mengenai kategori Bab 51 dan 81 Ujian Lisan, terang Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dalam tempoh 3 tahun seramai 485 orang sudah dihadapkan ke kementeriannya untuk pertimbangan dan yang mendapat

perkenan hanya 159 orang.

"Untuk pengetahuan selanjutnya lagi mengenai permohonan kelayakan ini dalam tempoh yang kaola sebutkan tadi 2011 Masihi hingga 1 Mac 2015 Masihi jumlah yang mendapat kerakyatan dari semua kategori iaitu Bab 6 (1) ibu warganegara Brunei bagi anaknya dan begitu juga Bab 6 (1) ayah warganegara Brunei bagi anaknya

dan juga Bab 6 (1) ibu bapa angkat warganegara Brunei bagi anak angkatnya dan kategori-kategori lain lagi Bab 5 (6) suami warganegara Brunei bagi isterinya warganegara asing campur dengan yang kaola sebutkan 159 orang itu tadi, orang yang telah diperkenankan mendapat kerakyatan dalam tempoh tersebut adalah 2,081 orang," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh tentang projek-projek yang dibuat di bawah peruntukan Majlis-Majlis Perundingan Kampung (MMPK), Yang Berhormat berhasrat supaya peruntukan

projek-projek sedemikian itu dapat diteruskan dan diagihkan mengikut keperluan.

Seterusnya, mengenai kemudahan perjalanan kerap (FTF) melimpasi sempadan yang sudah dipersetujui antara Brunei dengan Malaysia, Yang Berhormat menjelaskan, rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus memperluaskan dan memperkembangkan daripada satu proses pada tahun lepas dan ia diperluaskan lagi ke Terminal Serasa.



TURUT menghadiri Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail dan Setiausaha Tetap Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam, Awang Yahya bin Haji Idris.

Visi Empat Mata Semak perlu dicapai menjelang 2017

Laporan : Saerah
Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji
Said, Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Dalam melahirkan modal insan berkualiti tinggi, sistem pendidikan negara telah mengalami beberapa fasa evolusi dan pengalaman selama 100 tahun pendidikan formal telah memperkembangkan sistem pendidikan Negara, selain menyelaraskannya dengan perubahan dinamik landskap sosioekonomi tempatan dan global.

Sehubungan dengan itu, dalam menuju matlamat Wawasan Negara 2035, visi dan misi Kementerian Pendidikan telah diterjemahkan dalam Pelan Strategiknya dengan Visi Empat Mata Semak (Vision Checkpoints) yang perlu dicapai menjelang 2017 Masihi.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang menjelaskan demikian pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN yang bersidang buat kali kelima di Dewan Majlis MMN seterusnya berkata, tujuh inisiatif induk telah dikenal pasti untuk mendukung pencapaian Empat Mata Semak.

Untuk mencapai destinasi menjelang 2017 Masihi, jelas Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah merangka trajektori pencapaian dan impak melalui kaedah *reality check*, iaitu di manakah kita dalam trajektori menuju Wawasan Negara 2035 dan apa pencapaian yang telah dicapai sekarang.

Menurut Yang Berhormat, sepanjang Tahun Kewangan 2014 / 2015, Kementerian Pendidikan telah berjaya melaksanakan beberapa inisiatif yang telah dirangkaikan di semua peringkat pendidikan, iaitu rendah, menengah, pasca menengah, pendidikan teknikal dan vokasional serta pengajian tinggi.

Antara inisiatif tersebut ialah meningkatkan pencapaian Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi pelajar Tahun 6 melalui Program 46 Hari Sekolah Pemangkin yang dijalankan dengan kerjasama padu Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang

"Hasil dari usaha gigih pemimpin sekolah dan tenaga pengajar di sekolah-sekolah berkenaan, 12 daripada 15 buah sekolah telah berjaya menunjukkan peningkatan antara 0.85 dan 25.75 peratus dalam pencapaian murid-murid yang memperoleh gred 'A' hingga 'D'. Manakala, tujuh buah sekolah telah mencapai peratus lulus melebihi 75 peratus," ujar Yang Berhormat.

Dengan kejayaan program ini, telah diteruskan dan dilaratkan ke seluruh sekolah rendah kerajaan mulai tahun ini dan usaha ini juga mengenal pasti sasaran progresif yang mana pada tahun ini, sasaran bagi pelajar-pelajar mencapai gred 'A'-'C' dalam PSR adalah sekurang-kurangnya 74 peratus, dan menjelang 2017 Masihi sasaran ini dihasratkan mencapai 90 peratus, jelas Yang Berhormat. Selain pencapaian pelajar, tambah Yang Berhormat, Program 46 Hari Sekolah Pemangkin telah menjadi landasan perubahan budaya dalam pengajaran dan pembelajaran di mana pemimpin-pemimpin sekolah telah diberikan kuasa autonomi dalam pengurusan sekolah masing-masing dalam tiga aspek; kurikulum, penilaian dan sumber pengajaran dan pembelajaran.

"Budaya yang mula dikenalkan oleh lima buah sekolah contoh (model schools) dalam tahun 2012 Masihi telah berkesan dalam memastikan pengurangan birokrasi dalam *decision making*. Ini menjadikan pelaksanaan perancangan dilakukan secara pantas dan efektif," ujar Yang Berhormat lagi.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat melahirkan penghargaan kepada

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan peruntukan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2015 / 2016 dengan pertambahan sebanyak hampir BND16 juta daripada peruntukan tahun lepas.

Antara peruntukan tersebut, jelas Yang Berhormat iaitu pertama, Perkhidmatan pendidikan sebanyak BND67.1 juta secara keseluruhan, antara lainnya bagi membiayai kos mendatangkan pengetua dan guru besar luar negara di bawah Program Kepimpinan dan Pentadbiran Sekolah Rendah dan Menengah; membiayai Projek Keusahawanan Kebangsaan; dan pengambilan guru-guru di bawah Centre for British Teachers (CfBT) bagi sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Kedua, tambah Yang Berhormat, peralatan sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi termasuk teknikal dan vokasional sebanyak BND18 juta; ketiga, 'Programme for International Student Assessment' (PISA) sebanyak BND700,000 dengan harga rancangan sebanyak BND2.2 juta; dan keempat, pengambilan tenaga pakar dan pengajar mahir untuk Literasi dan Numerasi sebanyak BND30 juta dengan harga rancangan BND220.1 juta di bawah Peruntukan Khas Jabatan Kementerian Kewangan.

"Dari peruntukan sejumlah BND766,748,510, sebanyak BND508,326,330 ataupun 64.61 peratus diperuntukkan bagi Gaji Kakitangan; BND249,814,180 bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang dan BND28,608,000 bagi Perbelanjaan Khas," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, jumlah yang diperuntukkan oleh kerajaan adalah masih besar di sebalik keadaan ekonomi yang mencabar dengan penurunan harga minyak yang amat drastik dan ini menunjukkan kerajaan amat mengutamakan pembangunan modal insan yang merupakan tunjang kepada pembangunan ekonomi yang mampan, berterusan dan dinamik serta mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2015 / 2016, iaitu 'Modal Insan Berkualiti, Mendukung Pembangunan Inklusif' yang telah difokuskan kepada empat keutamaan.

Pembesaran kawasan Lembaga Bandaran Tutong dipertimbangkan

Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) sedang menimbang semula cadangan daripada Lembaga Bandaran Tutong untuk membesarkan kawasan Lembaga Bandaran, Pekan Tutong sebesar 62 kali ganda keluasan daripada yang ada sekarang.

Berikutan dengan pertimbangan semula itu, KHEDN telah mengembalikan cadangan berkenaan kepada Lembaga Bandaran Daerah Tutong (LBDDT) untuk menghadapkan semula cadangan baharu dengan cadangan asal.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang



YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai usaha untuk membesarkan keluasan Bandaran Pekan Tutong yang masih kekal 240.2 hektar atau 0.2402 kilometer.

Menurut Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman kawasan tersebut tidak pernah bertambah sejak 80 tahun yang lalu dan ke arah itu LBDDT telah mengadakan mesyuarat untuk menentukan keluasan yang sesuai dan munasabah mengikut peredaran masa terkini dan masa akan datang.

Keluasan kawasan yang dicadangkan oleh LBDDT menurutnya ialah 62 kali ganda daripada keluasan yang sedia ada.

Perkara tersebut merupakan antara yang bincangkan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Dewan Majlis, Bangunan MMN.

Terdahulu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga melahirkan sokongannya terhadap kegiatan bumiputera yang menjalankan perniagaan mereka di bangunan-bangunan yang telah disediakan dan akan sentiasa memantau perkembangannya.

'Brunei Salebration' galakkan berbelanja di dalam negeri

Laporan : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mendengar persoalan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai harga barang keperluan seharian yang seolah-olah tidak terkawal sehingga sering menjadi buah mulut orang ramai.

Menurut Yang Berhormat, ramai orang memilih alternatif lain dengan membeli-belah di negara jiran untuk mendapat harga yang jauh lebih murah.

"Dalam masa jangka panjang, ini akan merugikan negara dari segi ekonomi bahkan mungkin sosial," ujarnya.

Yang Berhormat berharap ada inisiatif untuk tindakan yang sewajarnya dan sepatutnya ada pemikiran supaya pekan-pekan yang ada di Brunei bukan jadi pekan pelintasan sahaja, tetapi jadikanlah pekan-pekan tersebut lebih menarik, kompetitif dalam semua segi bagi mengurangkan orang-orang kita berbelanja di luar negara.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang

Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa menjawab persoalan itu menjelaskan, harga barangan di negara jiran lebih rendah kerana perkara yang disebabkan oleh mata wang yang mana pertukaran mata wang yang lebih menyebelahi negara jiran daripada negara kita.

"Walau bagaimanapun, agensi yang tertentu termasuk Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah berusaha untuk menggalakkan berbelanja di negara ini melalui jualan-jualan murah 'Brunei Salebration' yang diadakan pada setiap tahun," ujar Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang

Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) menambah usaha-usaha juga digalakkan untuk membayangkan lagi tempat riadah yang lebih menarik di negara ini seperti Jerudong Park Playground yang boleh membantu SME dan menjana aktiviti-aktiviti ekonomi.

"Pada awal bulan ini kita mengadakan regata dan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti ini adalah sekurang-kurangnya bukan sahaja ia akan dapat menarik orang-orang kitani untuk berbelanja di negeri ini, tetapi juga menarik pelancong-pelancong untuk melancong ke negara ini," tambah Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap rombongan Negeri Perak Darul Ridzuan bagi persembahan Warkah Persilaan sempena Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

Majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Rombongan Negeri Perak Darul Ridzuan terdiri daripada Orang Besar Negeri Perak Darul Ridzuan, Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Jen. (B) Dato' Seri DiRaja Tan Sri Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin; Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan; Ahli Dewan Negara Rasmi Perak, Orang Besar Negeri Perak, Yang Berbahagia Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Seri Ir. Mohamad Othman bin Zainal Azim; dan Orang Besar Perak, Setiausaha Dewan Negara Perak, Yang Dihormati Toh Amar Seri DiRaja Dato' Ayop bin Hashim.

Turut berangkat dan hadir dalam Majlis Mengadap ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Orang Besar Negeri Perak Darul Ridzuan, Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Jen. (B) Dato' Seri Diraja Tan Sri Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin.

Peruntukan Kementerian Pendidikan bertambah BND16 juta:

Utamakan pembangunan modal insan

Dari muka 1

Sementara itu, Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya juga telah diluluskan peruntukan sebanyak BND1,223,912,510 yang mana jumlah ini bertambah sebanyak BND56,085,770.

Pertambahan ini mengambil kira peningkatan sebanyak 1.6 peratus Gaji Kakitangan, Perbelanjaan Berulang-Ulang berkurangan sebanyak 2.7 peratus dan peningkatan sebanyak 13.4 peratus bagi Perbelanjaan Khas.

Untuk peruntukan Kementerian Kewangan yang telah diluluskan, sejumlah BND631,698,120 diperuntukkan untuk Jabatan Kementerian Kewangan, BND14,793,610 untuk Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, BND11,076,310 untuk Jabatan Perbendaharaan, BND444,613,940 untuk Perkhidmatan Rampaian, BND3,683,110 bagi Jabatan Perbekalan dan Stor Negara, dan BND118,047,420 untuk Perkhidmatan Rampaian HMSF.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dalam ucapan mukadimah mengenai peruntukan Kementerian Kewangan menjelaskan, pada Tahun Kewangan 2015 / 2016 Kementerian Kewangan akan meneruskan tumpuan pada aktiviti yang akan dapat mendukung dasar belanjawan dan fokus keutamaan Belanjawan Negara, iaitu 'Memperkasakan Pendidikan dan Latihan Meningkatkan Produktiviti Bagi Perkhidmatan-Perkhidmatan' di bawah Kementerian Kewangan, merangsang kegiatan pelaburan bagi mendukung dasar membela ekonomi negara serta menyediakan iklim pelaburan yang kondusif bagi mendukung perkembangan sektor swasta dan meningkatkan kesejahteraan awam khusus berkaitan dengan aspek keselamatan negara.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (atas) dan Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim (kiri).

DPMM berkenan menerima mengadap



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Momin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama dayang Rakhiah binti Haji Abdul Lamit @ Hamid dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran, TYT Pengiran Abdul Samad bin Pengiran Haji Metasan (atas dan bawah).

Oleh :
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta-Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, masing-masing ke Republik Persekutuan Jerman, Republik Demokratik Timor-Leste dan Republik Islam Iran.

Majlis tersebut telah berlangsung di Qashr Al-Meezan, di sini.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Dayang Rakhiah binti Haji Abdul Lamit @ Hamid pernah berkhidmat sebagai Pengarah



di Bahagian Protokol dan Hal Ehwal Konsular di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP).

Sementara Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Momin pernah berkhidmat sebagai Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Manakala Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Pengiran Abdul Samad bin Pengiran Haji Metasan pula pernah berkhidmat sebagai Pemangku Pengarah Keselamatan di KHELNP.

Duta-Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam itu telah menerima Surat Watikah Pelantikan masing-masing pada hari Isnin, 9 Mac 2015.

'MODEL INSAN BERKUALITI, MENDUKUNG PEMBANGUNAN INKLUSIF'

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.